

BAB TIGA

BAB TIGA

UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA MASA KINI

3.1 Pendahuluan

Bab dua sebelum ini telah membincangkan mengenai Mahkamah Syariah sebagai medium pentadbiran keadilan jenayah syariah dan penggubalan undang-undang jenayah Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Undang-undang mengenai kesalahan pada awal kemerdekaan diperuntukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Pengasingan bidang kuasa undang-undang Islam telah bermula menjelang akhir 80-an dengan penggubalan Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (selepas ini disebut sebagai EUKI) yang tersendiri dan terasing dari enakmen induk di setiap negeri di Malaysia. Diikuti dengan usaha beberapa buah negeri yang memisahkan kesalahan-kesalahan terhadap ajaran Islam dan hukum syarak daripada enakmen induk. Usaha ini telah memperkenalkan Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di kebanyakan negeri di Malaysia.

Justeru dalam bab tiga ini, penulis akan menjelaskan perkembangan selanjutnya dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia masa kini menerusi penggubalan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah yang menggabungkan kesemua kesalahan jenayah syariah setakat yang dibenarkan Perlembagaan. Perbincangan akan menjurus kepada latar belakang penggubalan undang-undang tersebut dan analisis kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang terdapat dalam undang-undang tersebut. Fokus kajian ini hanya ditumpukan kepada peruntukan kesalahan dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-

negeri. Oleh itu, penulis tidak menganalisis mengenai kesalahan jenayah syariah dalam undang-undang Islam yang lain seperti kesalahan-kesalahan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam, kesalahan matrimoni dalam undang-undang keluarga Islam dan kesalahan berkaitan prosiding kes dalam undang-undang tatacara mal dan jenayah Islam.

3.2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Bahagian ini akan membincangkan mengenai latar belakang penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan analisis mengenai isi kandungan undang-undang tersebut. Penulis membuat perbandingan secara umum terhadap peruntukan kesalahan dan hukuman dalam enakmen negeri-negeri tersebut.

3.2.1 Latar Belakang Penggubalan

Pindaan yang dibuat terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1984 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun (sebelum ini enam bulan penjara) atau denda tidak melebihi RM5,000 (sebelumnya denda RM1,000) atau sebat sebanyak enam kali sebatan (tiada peruntukan sebatan sebelum ini) telah membawa perubahan positif dalam perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Bermula pada tahun 1985 sehingga tahun 1997, kebanyakan negeri di Malaysia telah menggubal undang-undang jenayah syariah tersendiri yang dikenali sebagai Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS). Ia merupakan kodifikasi kesalahan-kesalahan terhadap akidah, akhlak, hukum syarak dan kesalahan terhadap pentadbiran agama Islam negeri yang telah diasingkan dan

bukan lagi sebahagian daripada EPAI. Negeri Terengganu merupakan negeri terakhir yang mengkanunkan undang-undang jenayah syariah pada tahun 2001.

Tujuan penggubalan enakmen-enakmen ini adalah untuk mengemaskini pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di negeri-negeri serta memaksimumkan peruntukan yang sedia diberikan oleh Persekutuan kepada kerajaan negeri melalui pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Di samping mewujudkan sistem pentadbiran undang-undang jenayah Islam yang progresif di bawah Jabatan Agama Islam melalui penubuhan Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan yang melaksanakan serta menguatkuasakan enakmen ini secara langsung.¹

Pemisahan kesalahan-kesalahan jenayah syariah daripada EPAI ini telah dimulakan oleh negeri Kelantan dengan penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah No. 2 Tahun 1985. Enakmen ini adalah enakmen pertama mengandungi kesalahan-kesalahan jenayah syariah sahaja yang telah dipisahkan daripada Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tahun 1966. Ia hanya mengandungi 34 seksyen yang banyak menyentuh mengenai aspek akhlak dan kesusilaan serta pentadbiran agama Islam. Peruntukannya sangat ringkas dan tidak begitu menyeluruh tetapi usaha ini dianggap satu permulaan yang sangat baik untuk perkembangan dan kemajuan undang-undang jenayah Islam di Malaysia.

Seterusnya, penggubalan enakmen di Kelantan ini telah diikuti oleh Kerajaan Negeri Kedah yang meluluskan Kanun Jenayah Syariah Bil. 9 Tahun 1988.

¹ Abdul Monir b. Yaacob, "Penubuhan Jabatan Perundangan Syariah Malaysia" (Kertas Kerja dibentang pada Seminar Islamic Criminal Justice System, pada 25-27 Ogos 2003), h. 3.

Kemudian Sarawak dengan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah No. 6 Tahun 1991, Perlis dengan Enakmen Jenayah Dalam Syarak Bil. 4 Tahun 1993 dan Melaka dengan Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) No. 6 Tahun 1991.

Kelangsungan penggubalan EKJS ini diteruskan pada tahun 1992 dengan penggubalan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) No. 4 Tahun 1992 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak Bil. 3 Tahun 1992. Diikuti pada tahun 1995 dengan Sabah menggubal Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah No. 3 Tahun 1995 dan Selangor menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah No. 9 Tahun 1995.

Seterusnya, Pulau Pinang meneruskan usaha ini dengan meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Bil. 3 Tahun 1996 dan tahun 1997 dengan penggubalan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (A559) 1997 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor No. 4 tahun 1997. Terkini adalah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) yang diluluskan pada tahun 2001 diikuti oleh Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang yang diluluskan pada tahun 2002.² Dengan perkembangan mutakhir ini, bermakna semua negeri di Malaysia telah melulus dan menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah masing-masing.

3.2.2 Pemakaian Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

Selaras dengan peruntukan dalam Jadual Sembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan yang membataskan skop dan pelaksanaan undang-

² Sehingga kajian ini dibuat, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri Pahang masih belum dikuatkuasakan walaupun telah mendapat kelulusan pada tahun 2002.

undang Islam di negara ini, maka pemakaian undang-undang ini adalah sama seperti undang-undang Islam yang lain iaitu khusus kepada orang Islam yang tinggal atau bermastautin di sesebuah negeri sahaja. Dengan itu, jelas bahawa peruntukan-peruntukan yang ada dalam EKJS negeri-negeri ini tidak terpakai kepada orang bukan Islam. Kesemua EKJS negeri-negeri telah memperuntukkan Seksyen 1(2) secara seragam bagi mengeluarkan pemakaian undang-undang tersebut kepada orang bukan Islam. Peruntukan tersebut menjelaskan “tertakluk kepada seksyen 5 enakmen ini hendaklah terpakai hanya bagi orang Islam sahaja”.

Skop pemakaian undang-undang jenayah Islam ini telah diluaskan pemakaianya bagi semua orang yang berada atau tinggal di sesebuah negeri sekalipun baru sahaja tidur satu malam atau satu jam, walaupun dia bukan pemastautin tetap negeri tersebut. Sekalipun istilah mastautin tidak ditafsirkan dalam seksyen 2 (Tafsiran Undang-undang) semua EKJS negeri-negeri, tetapi ia boleh diertikan sebagai tinggal iaitu diam, atau berada atau duduk, bertempat, markas, menginap, menumpang, menghuni, berumah, menetap, bersemayam, bercukul atau sarang.³ Tidak disyaratkan ia menjadi rakyat negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

Ini dibuktikan menerusi keputusan hakim dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Fahyu Hanim bt. Ahmad dan lain-lain*.⁴ Dalam kes ini, ketiga-tiga defendant tetap disabitkan bersalah dan dikenakan hukuman di bawah seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 atas kesalahan melanggar arahan mufti yang dinyatakan melalui fatwa (“adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis

³ Kamus Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, 2002, h. 864

⁴ [2000] Jurnal Syariah, 8:1,137

pertandingan Ratu Cantik") yang telah diwartakan pada tarikh 11 Mei 1995, sekalipun mereka bukan pemastautin negeri Selangor kerana kesalahan yang dilakukan adalah dalam negeri Selangor. Oleh itu, Mahkamah Syariah Selangor ada bidang kuasa untuk mendengar, membicara dan mengenakan hukuman terhadap kesalahan tersebut.⁵

Selain itu, sesuatu perbuatan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen ini tidak dianggap sebagai suatu kesalahan melainkan jika ia dilakukan oleh seorang Muslim yang mukallaf iaitu seorang yang cukup umur baligh, matang dan sempurna akalnya. Peruntukan kesalahan jenayah dalam enakmen ini tidak terpakai kepada kanak-kanak yang belum baligh atau seseorang yang tidak sempurna akalnya.⁶ Mereka tidak dipertanggungjawabkan mengikut syarak dan dikecualikan daripada hukuman yang diperuntukkan.

Dalam sesetengah enakmen, diperuntukkan pengecualian dari dipertanggungjawabkan atas alasan pertahanan diri.⁷ Dengan itu, seseorang yang tidak berniat jahat dalam melakukan perbuatan jenayah seperti dengan tujuan mempertahankan diri tidak dipertanggungjawabkan dengan kesalahan tersebut. Ini kerana apa yang dilaksanakan itu sesuatu yang harus dan dibenarkan syarak melainkan sekiranya melampaui batas-batas yang telah ditetapkan.⁸

⁵ Laporan kes Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim bt. Ahmad dan lain-lain, Jurnal Syariah, Jil. 8, Bil. 1, Januari 2000, h. 147.

⁶ Lihat misalnya Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 51

⁷ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 23-33.

⁸ al-Syirāzī (t.t), *al-Muhaḍhdhab*, j. 2. Mesir: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī ăl-Ḥalabī wa Syurakuhu, h. 225.

3.2.3 Analisis Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri

Pada amnya, EKJS yang diluluskan oleh negeri-negeri di Malaysia ini adalah lebih kurang sama peruntukannya walaupun terdapat perbezaan dari segi penggunaan tajuk enakmen itu sendiri. Asasnya, kesemua enakmen tersebut hanya memperuntukkan kesalahan-kesalahan setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.⁹ Perbezaannya adalah dari segi teknikal yang berkaitan dengan susunan peruntukan dan pembahagian isi kandungan dalam EKJS tersebut. Oleh itu, dalam bahagian ini, penulis akan menganalisis undang-undang tersebut dalam aspek-aspek berikut:

- i. Pembahagian isi kandungan
- ii. Kecualian am
- iii. Peruntukan takzir dalam kesalahan tertentu
- iv. Tafsiran undang-undang.

i. Pembahagian Isi Kandungan

Secara keseluruhannya, peruntukan EKJS adalah sama bagi setiap negeri, namun terdapat juga sedikit perbezaan dari segi pembahagian isi kandungan yang dimuatkan dalam setiap EKJS negeri-negeri di Malaysia. Ini kerana ia digubal bukan oleh satu badan perundangan yang sama. Jadi peruntukannya juga melihat kepada kehendak dan kesesuaian setiap badan perundangan negeri masing-masing. (Lihat Jadual 3.1)

⁹ Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri.

Jadual 3.1 : Pembahagian Isi Kandungan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

NEGERI	BAHAGIAN DALAM EKJS					
	Bil. Seksyen	Permulaan	Kesalahan	Kecualian am	Subahat dan percubaan	Perkara am
K'tan	34	√	√	X	X	X
Kedah	36	√	√	X	X	X
S'wak	44	√	√	X	X	X
Perlis	50	√	√	X	X	X
Melaka	94	√	√	√	√	X
NS	121	√	√	√	√	X
Perak	68	√	√	√	√	X
Sabah	105	√	√	√	√	X
Selangor	55	√	√	√	√	√
P.Pinang	57	√	√	√	√	√
WP	58	√	√	√	√	√
Johor	57	√	√	√	√	√
T'ganu	69	√	√	√	√	√

Petunjuk :

√	Ada peruntukan dalam EKJS
X	Tiada peruntukan dalam EKJS

Sumber : Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri

Berdasarkan Jadual 3.1, penulis mendapati undang-undang yang diluluskan di negeri Kelantan (1985), Kedah (1988) dan Sarawak (1991) iaitu antara EKJS yang terawal digubal, agak berbeza dari enakmen yang digubal terkemudian. Peruntukannya sangat ringkas dan tidak menyeluruh serta hanya mengandungi sebahagian kesalahan-kesalahan jenayah syariah. Kanun Jenayah Syariah Kedah umpamanya mengandungi 36 seksyen sahaja manakala Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak hanya memperuntukkan 44 seksyen. Kebanyakan jenis kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen terawal ini banyak menyentuh kesalahan akhlak dan kesusilaan serta sedikit sahaja peruntukan kesalahan berkaitan akidah dan pentadbiran agama Islam.

Sementara itu, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah (1995) pula memperuntukkan 105 seksyen. Bagaimanapun, enakmen ini turut memasukkan peruntukan kesalahan-kesalahan matrimoni seperti mungkir pertunangan, mengupacarakan perkahwinan secara tidak sah dan perkahwinan dalam tempoh iddah yang lazimnya diperuntukkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri tersebut seperti negeri-negeri yang lain.¹⁰

Manakala, isi kandungan dan peruntukan kesalahan bagi enakmen negeri Selangor (1995), Pulau Pinang (1996), Wilayah Persekutuan (1997) dan Johor (1997) adalah sama dan tidak jauh berbeza antara satu sama lain walaupun mengandungi jumlah peruntukan yang sedikit berbeza. Manakala EKJS Terengganu (2001) mengandungi 69 peruntukan.

Sementara itu, Enakmen Negeri Sembilan (1992) didapati lebih menyeluruh dan kemas dari segi pembahagian isi kandungan dan peruntukan jenis-jenis kesalahan syariah berbanding dengan enakmen negeri-negeri lain. Dari segi susunan isi kandungan, Enakmen ini mendahuluikan peruntukan mengenai kecualian am, hak mempertahankan persendirian dan subahat, tidak seperti EKJS negeri-negeri yang lain. Diikuti seterusnya dengan peruntukan kesalahan-kesalahan yang dibahagikan kepada kesalahan berkaitan akidah, pencelaan agama, kehormatan diri, minuman memabukkan termasuklah peruntukan kesalahan mengenai keadilan dan ketenteraman awam, keterangan palsu, kesalahan menghina pihak berkuasa agama dan kesalahan berkaitan harta Majlis Agama Islam Negeri.¹¹ Berbanding negeri-

¹⁰ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 67, 68 dan 69.

¹¹ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 80 – 97, seksyen 98 – 109, seksyen 110 – 112 dan seksyen 113 – 121.

negeri lain, hanya EKJS Negeri Sembilan yang memperuntukkan hak mempertahankan persendirian secara terperinci.

EKJS negeri-negeri di Malaysia ini secara umumnya menyenaraikan beberapa bahagian yang asas dalam isi kandungannya iaitu permulaan, jenis-jenis kesalahan, penyubahan dan percubaan, kecualian am dan perkara-perkara am. Kecuali EKJS Kelantan, Kedah, Sarawak dan Perlis yang hanya mengandungi bahagian permulaan dan peruntukan kesalahan sahaja.

Bahagian 1 kesemua EKJS merupakan bahagian permulaan yang mengandungi tajuk ringkas enakmen berkenaan, tarikh mula berkuatkuasa dan pemakaian enakmen, tafsiran undang-undang dan kecualian prerogatif iaitu apa-apa peruntukan yang terkandung dalam enakmen berkenaan tidak boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa Sultan atau Yang diPertuan Agong sebagai ketua Agama Islam.¹²

Bahagian kesalahan-kesalahan pula membahagikan jenis kesalahan-kesalahan jenayah syariah kepada beberapa bahagian berkaitan kesalahan-kesalahan yang dilakukan orang Islam terhadap ajaran agama. Antaranya, kesalahan mengenai akidah, kesalahan mengenai pencelaan terhadap kesucian agama Islam dan institusinya, kesalahan mengenai kehormatan diri dan kesusilaan dan kesalahan pelbagai. Di samping kesalahan-kesalahan ini, disertakan juga hukuman yang ditetapkan untuk setiap kesalahan tersebut.

¹² Lihat sebagai contoh Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 1-3, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 1 – 3.

Bahagian seterusnya mengandungi peruntukan mengenai darihal penyubahan dan percubaan. Peruntukannya lebih menyeluruh serta menjelaskan secara terperinci mengenai perbuatan subahat, liabiliti pensubahat dan kadar hukuman yang boleh dikenakan kepada pensubahat. Selain itu diperuntukkan juga hukuman bagi kesalahan mencuba atau menyebabkan berlaku kesalahan sama sepetimana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.¹³

Bahagian lain yang diperuntukkan dalam kebanyakan EKJS adalah peruntukan mengenai kecualian am¹⁴ dan darihal hak mempertahankan persendirian.¹⁵

Sementara EKJS Selangor, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu memasukkan bahagian perkara-perkara am. Antara lain, ia memperuntukkan mengenai kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri tersebut untuk menetapkan mana-mana tempat atau institusi sebagai pusat pemulihan. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan hukuman ganti atau tambahan bagi pesalah kesalahan akidah dan kesusilaan dengan menjalani pemulihan di pusat pemulihan bagi tempoh enam bulan sehingga tiga tahun.¹⁶

¹³ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Bahagian VI, seksyen 43 - 47, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, Bahagian VII, seksyen 61 - 66, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, Bahagian IV, seksyen 34 - 45.

¹⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, Bahagian VII, seksyen 48 - 53, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, Bahagian II, seksyen 4 - 7, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 60 - 65, Enakmen Jenayah Syariah (negeri Sembilan) 1992, seksyen 4 - 22.

¹⁵ Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 23 - 33.

¹⁶ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Bahagian VIII, seksyen 54, 55 dan 56, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Bahagian VIII, seksyen 53 dan 54, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, Bahagian VIII, seksyen 54, 55 dan 56.

ii. Kecualian Am

Bahagian ini diperuntukkan selepas bahagian penyubatan dan percubaan dalam kebanyakan EKJS. Ia penting kerana memberikan perlindungan undang-undang kepada pihak yang termasuk dalam kategori kecualian am. Seperti perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa, atau oleh kerana silap faham fakta percaya dirinya terpaksa di sisi undang-undang, perbuatan yang dilakukan kerana tidak sengaja, perbuatan kanak-kanak belum baligh, tidak sempurna akal, perbuatan hakim yang bertindak secara kehakiman atau perbuatan yang dilakukan menurut perintah Mahkamah.

EKJS Negeri Sembilan memperuntukkan mengenai hak pertahanan persendirian (*private defence*) bermula dari seksyen 23 hingga seksyen 33 sebagai sebahagian daripada peruntukan kecualian am. Peruntukan ini sangat penting bagi mengecualikan pertuduhan jenayah ke atas seseorang yang melakukan perbuatan jenayah atas alasan mempertahankan diri. Bahagian ini juga menjelaskan setakat mana tindakan yang dibenarkan untuk dilakukan oleh mangsa semasa mempertahankan diri.

Terdapat beberapa perbezaan dan ketidakseragaman di antara EKJS Negeri Sembilan dengan EKJS negeri-negeri yang lain. Terutama dalam bahagian II mengenai peruntukan kecualian am dan hak mempertahankan diri serta bahagian III mengenai subahat. Kebanyakan negeri tidak memperuntukkan ketiga-tiga aspek ini sekaligus. Enakmen negeri Kelantan, Sarawak, Kedah dan Perlis misalnya, tidak memasukkan bahagian kecualian am sementara perkara mengenai subahat dan

hukuman yang boleh dikenakan ke atas kesalahan tersebut hanya diperuntukkan secara ringkas dalam satu seksyen.¹⁷ Bagi enakmen negeri Perak pula, peruntukan subahat dimasukkan dalam bahagian perkara-perkara am.¹⁸

Sementara EKJS Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu hanya memasukkan peruntukan mengenai kecualian am dan subahat tetapi tidak memperuntukkan perkara-perkara berkaitan hak mempertahankan diri. Sedangkan ketiga-tiga aspek ini sangat penting dan selaras dengan kehendak syarak.¹⁹

iii. Peruntukan Takzir bagi Kesalahan Tertentu

Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak diperuntukkan dalam EKJS ini, peruntukan takzir telah dibuat. Tetapi tidak semua negeri memperuntukannya kecuali Melaka, Sabah dan Sarawak. Inilah perbezaan yang agak ketara antara EKJS negeri-negeri di Malaysia. Sepatutnya semua EKJS memperuntukkan bahagian ini bagi memudahkan penalti dikenakan untuk kesalahan-kesalahan yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah sesetengah negeri umpamanya kesalahan-kesalahan berkaitan pencabulan terhadap keselamatan masyarakat dan kesejahteraan individu. Contohnya seperti mengeluarkan perkataan tidak sopan, mengacau orang dan mendedahkan tubuh badan yang hanya

¹⁷ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 46, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 29, Enakmen kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 29, Enakmen Jenayah Syariah Sarawak, seksyen 44.

¹⁸ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, Bahagian VII seksyen 61-64.

¹⁹ Lihat sebagai contoh, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Bahagian VI seksyen 39-45 dan Bahagian VII seksyen 46-52.

diperuntukkan secara khusus dalam undang-undang di Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak.

Peruntukan ini sebenarnya bertujuan memberi kuasa kepada mahkamah mengenakan hukuman takzir kepada pesalah kerana melanggar hukum syarak jika belum ada hukuman diperuntukkan dalam EKJS tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain. Seksyen 43, EKJS Sarawak menjelaskan :

“Tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Mahkamah boleh mengenakan hukuman ta’zir ke atas seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Hukum Syarak yang tidak diperuntukkan oleh Ordinan ini dan, apabila disabitkan, orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali”

EKJS Sabah juga mengenakan hukuman yang sama seperti EKJS Sarawak iaitu denda sebanyak seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.²⁰ Sementara, EKJS Melaka hanya memperuntukkan hukuman setakat denda lima ratus ringgit atau enam bulan penjara atau kedua-duanya.²¹

iv. Tafsiran Undang-undang

Kesemua EKJS memperuntukkan penjelasan dan pentafsiran beberapa istilah penting di Bahagian Permulaan dalam seksyen 2(1). Istilah-istilah yang ditafsirkan dalam kebanyakan EKJS adalah berkenaan kesalahan jenayah syariah berkaitan akhlak dan kesusilaan seperti liwat, muncikari, persetubuhan syubhab, sumbang mahram, *mugaddimah* zina dan sebagainya. Selain itu, penjelasan juga dibuat mengenai beberapa istilah pentadbiran hukum syarak yang berkaitan secara langsung

²⁰ Enakmen Jenayah Syariah Sabah, seksyen 103.

²¹ Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 92.

atau tidak langsung dalam pelaksanaan undang-undang jenayah syariah seperti fatwa, mufti, mahkamah, Majlis, Hakim dan sebagainya. Tujuan pentafsiran ini adalah bagi memudahkan pemahaman oleh pihak berkuasa dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Tafsiran yang dibuat dalam semua EKJS negeri-negeri ini merujuk kepada tafsiran hukum syarak. Walau bagaimanapun, diperuntukkan juga dalam semua EKJS bahawa enakmen tersebut turut merujuk kepada tafsiran yang sedia ada dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 sekiranya terdapat perkataan, perbahasan dan rangkai kata yang digunakan dalam enakmen tetapi tidak ditafsirkan. Tetapi tafsiran dalam kedua-dua Akta tersebut mestilah tidak bercanggah dengan syarak.

Seksyen 2 (2), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan;

“Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing dalam Akta-Akta itu setakat yang erti sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syarak”.

Peruntukan tersebut membuktikan peranan hukum syarak sebagai rujukan yang utama dan muktamad dalam mentafsir dan menjelas istilah-istilah yang digunakan dalam EKJS tersebut walaupun Akta Tafsiran 1948 dan 1967 boleh diambil kira.

Jika dianalisis, terdapat kepelbagaiannya tafsiran yang dibuat dalam setiap EKJS tersebut walaupun istilah-istilah yang sama digunakan. Keadaan ini cenderung disebabkan situasi dan keperluan di setiap negeri yang berbeza-beza. Walaupun

begitu, perbezaannya hanya wujud dari segi penggunaan istilah tetapi maksudnya adalah sama dan tidak bercanggah dengan syarak.

Jadual 3.2 berikut memperincikan pentafsiran sebahagian istilah-istilah kesalahan jenayah syariah yang diterima pakai dalam EKJS negeri-negeri tersebut yang dianggap lebih tepat, mudah difahami dan selaras dengan kehendak syarak;

Jadual 3.2 : Tafsiran Istilah Undang-undang dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Istilah	Tafsiran	Sumber
Liwat	Perhubungan jenis di antara lelaki dengan lelaki atau di antara lelaki dengan perempuan melalui dubur	EKJS Perlis
Muncikari	Seorang yang menjalankan pekerjaan sebagai orang tengah di antara seseorang perempuan dengan seorang lelaki bagi tujuan-tujuan yang menyalahi Hukum Syarak	EKJS Perlis dan Pulau Pinang
<i>Musāḥaqah</i>	Perhubungan jenis sesama perempuan	EKJS Sabah
<i>Qadhf</i>	Tuduhan berzina terhadap seseorang	EKJS Sabah
<i>Takfir</i>	Mengkafirkan orang Islam	EKJS Sabah dan Melaka
Zina	Persetubuhan haram selain rogol dan <i>syubhab</i> antara lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri	EKJS Sabah, Kelantan dan Sarawak
<i>Muqaddimah zina</i>	Perbuatan lelaki dan perempuan yang sampai puncak perbuatan zina	EKJS Sabah
Persetubuhan <i>syubhab</i>	Persetubuhan lelaki dan perempuan dengan anggapan suami isteri tetapi ternyata kemudiannya bahawa mereka bukan suami isteri yang sah mengikut hukum Syarak	EKJS Kelantan dan Perlis
Perbuatan sumbang mahram	Persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang mengikut hukum Syarak dilarang mengahwini satu sama lain	EKJS Selangor
Percubaan persetubuhan haram	Perbuatan di antara lelaki dan perempuan yang mendorong zina	EKJS Sabah
<i>Li'ān</i>	Sesuatu pengataan yang dibuat oleh seseorang lelaki dengan bersumpah mengikut hukum Syarak bahawa isterinya telah melakukan zina	AKJS Wilayah Persekutuan

Sumber : Bahagian 1 (Permulaan) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri

Berdasarkan tafsiran tersebut, terdapat perbezaan setiap istilah-istilah yang digunakan dalam EKJS. Bagi tafsiran *mugaddimah* zina, EKJS Kedah lebih menjelaskan tafsirannya iaitu bukan sahaja merujuk kepada perbuatan tetapi perkataan-perkataan di antara lelaki dan perempuan yang mendorong kepada perzinaan. Perbezaan yang paling ketara adalah mengenai tafsiran *takfir* dan *qadhf*. EKJS Selangor umpamanya mentafsirkan *takfir* sebagai menganggap orang Islam sebagai orang bukan Islam dan *qadhf* sebagai pernyataan palsu terhadap mana-mana orang. Oleh itu di Selangor dan beberapa EKJS yang lain, anggapan sahaja sudah memadai untuk dikenakan tindakan bagi kesalahan tersebut berbanding mengkafirkhan secara nyata yang lebih menepati maksud *takfir*.

Selain itu, banyak juga istilah-istilah yang tidak ditafsirkan dalam sebahagian EKJS negeri-negeri tersebut. EKJS negeri Kelantan, Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak mentafsirkan kesalahan *musâhaqah* sementara di Selangor juga tiada pentafsiran liwat. Begitu juga dalam EKJS Perlis dan Melaka tiada peruntukan tafsiran mengenai kesalahan zina.

3.2 Jenis-jenis Kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Undang-undang jenayah Islam dalam konteks undang-undang Islam di Malaysia sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Sembilan Senarai Negeri ditafsirkan sebagai kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen yang diluluskan oleh negeri-negeri sama ada yang terdapat dalam EKJS atau enakmen-enakmen lain yang terdapat di dalamnya peruntukan kesalahan-

kesalahan dan hukuman keseksaannya setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan iaitu penjara, sebat dan denda.²²

Perbuatan jenayah yang tidak diperuntukkan dalam EKJS seperti kesalahan berkaitan tubuh badan iaitu membunuh, mencederakan anggota badan dan kesalahan berkaitan harta seperti merompak dan mencuri tidak dianggap sebagai kesalahan jenayah syariah di negara ini walaupun kesalahan-kesalahan tersebut termasuk dalam kesalahan hudud dan qisas. Sebaliknya, kesemua kesalahan tersebut diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (*Penal Code*).

Pembahagian yang boleh dibuat terhadap kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam EKJS negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut: (lihat Jadual 3.3) :

1. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan akidah dan pentafsiran hukum
2. Kesalahan-kesalahan akhlak, kesusilaan dan adab-adab syarak
3. Kesalahan-kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan institusinya
4. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan pentadbiran hal ehwal agama Islam
5. Kesalahan-kesalahan berkaitan ketenteraman dan kesejahteraan orang lain

²² Abdul Halim El-Muhammady (1998), *Undang-undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen-enakmen Negeri*. Bangi: Fakulti Undang-undang UKM, h. 170.

Jadual 3.3 : Bilangan Peruntukan Mengikut Jenis Kesalahan dalam Enakmen Kesalahans Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

NEGERI	JENIS KESALAHAN DAN JUMLAH PERUNTUKAN				
	Akidah	Kesucian Islam	Akhlak/kesusilaan	P'tadbiran Islam	Awam
Kelantan	X	2	13	3	9
Kedah	X	2	13	3	8
Sarawak	2	6	14	8	8
Perlis	1	5	12	10	8
Melaka	5	8	12	5	4
N. Sembilan	3	10	11	8	8
Perak	6	11	9	11	10
Sabah	4	8	14	10	9
Selangor	4	9	10	6	6
P.Pinang	4	10	10	7	9
Wilayah Persekutuan	4	10	10	7	9
Johor	4	10	10	7	9
Terengganu	5	13	13	9	12

Petunjuk :

X Kesalahan tidak diperuntukkan dalam EKJS

Sumber : Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri

Justeru, perbincangan dalam bahagian ini akan memfokuskan analisis jenis-jenis kesalahan sebagaimana dalam Jadual 3.3 dan kadar hukuman bagi setiap kesalahan tersebut.

3.3.1 Kesalahan Berkaitan Akidah dan Pentafsiran Hukum

Secara umumnya, tujuh bentuk kesalahan akidah telah disenaraikan dalam kebanyakan EKJS negeri-negeri iaitu pemujaan salah, penyebaran doktrin atau ajaran salah, penyebaran doktrin bukan Islam, dakwaan palsu sebagai nabi atau Imam

Mahdi atau wali, individu muslim mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan undang-undang, percubaan murtad dan perbuatan subahat dalam percubaan murtad. Kawalan terhadap kesalahan-kesalahan jenis ini sangat penting memandangkan ia berkaitan perlanggaran dan keingkaran terhadap keimanan dan kepercayaan individu muslim terhadap agama Islam yang suci

Walau bagaimanapun, Kedah dan Kelantan tidak memperuntukkan kesalahan berkaitan akidah ini dalam EKJS, sebaliknya ia diperuntukkan dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri tersebut. Kelantan umpamanya memperuntukkan kesalahan tersebut dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Kesalahan-kesalahan tersebut meliputi kesalahan meninggalkan agama dalam seksyen 102, kesalahan mempersendakan upacara agama (seksyen 122), kesalahan menyebabkan orang Islam keluar agama (seksyen 124), kesalahan menghalang kegiatan Islam (seksyen 125) dan kesalahan pemujaan salah (seksyen 127).

Berdasarkan kajian, penulis mendapati tidak semua negeri memperuntukkan kesemua jenis-jenis kesalahan akidah dan pentafsiran hukum yang telah disenaraikan oleh penulis dalam EKJS masing-masing. EKJS Perlis hanya memasukkan satu kesalahan iaitu penyebaran doktrin atau ajaran palsu,²³ Sarawak dengan dua kesalahan iaitu pemujaan salah²⁴ dan penyebaran doktrin palsu,²⁵ Negeri Sembilan dan Sabah menyenaraikan tiga kesalahan dengan tambahan mendakwa bukan Islam

²³ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 34.

²⁴ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 37.

²⁵ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 31.

untuk mengelakkan tindakan bagi EKJS Negeri Sembilan²⁶ dan percubaan murtad bagi EKJS Sabah.²⁷

Sementara EKJS Pulau Pinang,²⁸ Wilayah Persekutuan²⁹ dan Johor³⁰ masing-masing memperuntukkan empat kesalahan iaitu pemujaan salah, doktrin palsu, doktrin bukan Islam dan dakwaan palsu. Begitu juga EKJS Selangor³¹ dengan kesalahan pemujaan salah, doktrin palsu, dakwaan nabi palsu dan mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan. Sementara Melaka³² dengan peruntukan lima kesalahan kecuali doktrin bukan Islam dan dakwaan nabi palsu dan Terengganu juga lima kesalahan iaitu pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama bukan Islam di kalangan orang Islam, dakwaan palsu dan seorang Islam mendakwa bukan Islam.³³ Perak³⁴ pula memasukkan semua kesalahan tersebut kecuali perbuatan subahat dalam percubaan murtad.

Bagi kesalahan meninggalkan agama atau murtad, Melaka dan Sabah memperuntukannya dalam EKJS negeri masing-masing, sementara Negeri Sembilan dan Kelantan memasukkan kesalahan tersebut dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam. Tujuan peruntukan tersebut bagi mencegah individu muslim daripada mempersenda-sendakan ajaran Islam dengan apa cara sekalipun dan tidak dengan mudah mengisyiharkan diri mereka sebagai murtad dengan memberi kuasa

²⁶ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 47, 52 dan 48.

²⁷ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 61, 52 dan 63.

²⁸ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 3, 4, 5 dan 6.

²⁹ Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 3, 4, 5 dan 6.

³⁰ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor, seksyen 3, 4, 5 dan 6.

³¹ Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 4, 5, 7 dan 8.

³² Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 69, 60, 63, 66 dan 67.

³³ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu, 2002, seksyen 3 – 7.

³⁴ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 8, 9, 10, 11, 12 dan 13.

kepada Mahkamah Syariah memerintahkan pemulihan dibuat kepada individu yang cuba murtad.

EKJS Sabah 1995 memperuntukkan kesalahan tersebut dalam seksyen 63.

Manakala Melaka memperuntukannya dalam seksyen 66 (1) Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991 iaitu;

“Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengiyistikar dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukar iktikad dan kepercayaan agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum Syarak”.

Di Negeri Sembilan, kesalahan tersebut diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 yang dipinda pada tahun 1995 dengan menambah peruntukan seksyen 90A iaitu;

“Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada agama Islam atau dianggap telah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya melainkan dan sehingga dia telah memperolehi satu perisytiharan untuk maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah”.³⁵

Manakala, di Kelantan, kesalahan yang sama diperuntukkan dalam seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 bahawa seseorang itu tidak boleh meninggalkan agama Islam melainkan setelah Mahkamah mengesahkannya. Mahkamah juga boleh memerintahkan seseorang yang cuba murtad untuk ditahan di Pusat Bimbingan Islam selama tempoh tidak melebihi 36 bulan bagi tujuan pendidikan dan bertaubat.

³⁵ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, seksyen 90A(1).

Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa Mahkamah Syariah adalah medium berautoriti menentukan sama ada seseorang itu masih Islam atau tidak dan orang yang cuba murtad masih diberi peluang untuk diberi pendidikan dan pemulihian akidah yang wajar. Peruntukan ini dianggap penting bagi mengelakkan kekeliruan dan percanggahan bidang kuasa, kerana seseorang Islam itu masih beragama Islam melainkan jika dibuktikan ia telah murtad oleh Mahkamah Syariah dan sehingga Mahkamah Syariah berpuas hati sebelum mengambil apa-apa keputusan yang menyentuh akidah dan kepercayaan orang tersebut. Oleh itu, peruntukan ini sebenarnya wajar dimasukkan dalam semua EKJS negeri-negeri.

Mengenai hukuman bagi kesalahan-kesalahan melibatkan akidah dan pentafsiran hukum ini, hanya EKJS Terengganu sahaja yang memperuntukkan hukuman maksimum denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi semua kesalahan berkaitan akidah dalam enakmen tersebut dengan tambahan hukuman sebatan bagi kesalahan doktrin palsu. Berbeza dengan negeri-negeri yang lain, sebagai contoh bagi kesalahan pemujaan salah, EKJS Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor dendanya tiga ribu ringgit dan penjara dua tahun, manakala EKJS Negeri Sembilan memperuntukkan hukuman yang agak ringan iaitu denda seribu ringgit dan penjara satu tahun.

Begitu juga bagi kesalahan penyebaran doktrin atau ajaran salah, EKJS Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu mengenakan hukuman maksimum iaitu denda lima ribu ringgit atau tiga tahun penjara atau enam kali sebatan atau kombinasi mana-mana dua hukuman tersebut. Berbanding Perak dengan hanya seribu ringgit atau enam bulan penjara. Sementara negeri-negeri lain

mengenakan hukuman maksimum tanpa peruntukan sebatan. Bagi kesalahan-kesalahan lain, hukumannya adalah seragam sama ada denda tiga ribu ringgit atau penjara dua tahun atau denda lima ribu ringgit atau penjara lima tahun.

3.3.2 Kesalahan Berkaitan Kesucian Agama Islam dan Institusinya

Sebagaimana kesalahan-kesalahan akidah, banyak perbezaan sama ada dari aspek bentuk kesalahan atau kadar hukuman dalam EKJS negeri-negeri berkaitan perbuatan orang-orang Islam yang mencemarkan kesucian agama Islam dan institusinya. Sebanyak 14 bentuk kesalahan disenaraikan dalam EKJS tersebut dan boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu; Pertama; kesalahan berkaitan penghinaan terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam seperti mempersendakan al-Quran dan hadis, menghina agama Islam, mempersendakan ajaran Islam, hasutan mengabaikan agama dan membinasakan masjid dengan niat menghina agama Islam; dan Kedua; keingkaran terhadap kewajipan melaksanakan ibadah dalam Islam, antaranya tidak menunaikan solat Jumaat, tidak menghormati Ramadan, berjudi, minum minuman memabukkan di khalayak ramai, tidak membayar zakat dan sebagainya.

Kesemua negeri memperuntukkan kesalahan minum minuman memabukkan di khalayak ramai³⁶ dan tidak menghormati Ramadan³⁷ dalam EKJS masing-masing

³⁶ Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 25, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 25, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 25, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2002, seksyen 23.

³⁷ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 114, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 24, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 58, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 19, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2002, seksyen 19.

termasuk Kedah dan Kelantan yang hanya memperuntukkan dua kesalahan tersebut. Sementara kesalahan-kesalahan yang jarang diperuntukkan dalam EKJS negeri-negeri adalah kesalahan mempersendakan ajaran Islam,³⁸ kesalahan hasutan mengabaikan agama,³⁹ menganggu upacara ajaran Islam,⁴⁰ pencerobohan tanah perkuburan⁴¹ dan bidaah.⁴² Manakala kesalahan bersembahyang Jumaat di tempat yang tidak dibenarkan dan tidak menunaikan sembahyang fardu diperuntukkan hanya dalam EKJS Terengganu.⁴³

EKJS Perak memperuntukkan 11 jenis kesalahan⁴⁴ kecuali pencerobohan tanah perkuburan dan bidaah dan EKJS Terengganu dengan 13 kesalahan.⁴⁵ Diikuti Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor dengan sepuluh kesalahan,⁴⁶ Selangor⁴⁷ memperuntukkan sembilan kesalahan serta Melaka dan Sabah masing-masing memperuntukkan lapan kesalahan.⁴⁸ Sementara Sarawak dan Perlis memperuntukkan enam dan lima kesalahan.⁴⁹

³⁸ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 30 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 54.

³⁹ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 19, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 17, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 17 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 17.

⁴⁰ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 57 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 35.

⁴¹ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 58.

⁴² Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 65.

⁴³ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 17 dan 18.

⁴⁴ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 14, 15, 21, 23, 24, 25, 19, 26, 59, 35 dan 36.

⁴⁵ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 8, 9, 12, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 39.

⁴⁶ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 50, 49, 51, 113, 114, 118, 78, 57, 56 dan 58, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 7, 8, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan 32, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 7, 8, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan 32, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 7, 8, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan 32.

⁴⁷ Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 10, 9, 13, 20, 19, 21, 17, 18 dan 11.

⁴⁸ Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 63, 61, 47, 46, 49, 82, 81 dan 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 55, 53, 50, 48, 58, 57, 54 dan 65.

⁴⁹ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 32, 36, 34, 26, 25 dan 30, Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 39, 37, 27, 25 dan 24.

Dari segi hukuman, peruntukannya tidak seragam dan berbeza bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Hukuman yang dikenakan di antara denda lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara sehingga maksimum denda lima ribu ringgit atau tiga tahun penjara atau enam kali sebatan. Hukuman sebat diperuntukkan bagi kesalahan minum minuman memabukkan oleh EKJS negeri Kelantan dan Perlis. Sementara, bagi kesalahan tidak membayar zakat, Melaka⁵⁰ dan Selangor⁵¹ memperuntukkan hukuman maksimum lima ribu ringgit atau tiga tahun penjara berbanding negeri-negeri lain dengan hukuman minimum seribu ringgit atau enam bulan penjara.⁵²

Begitu juga wujud perbezaan hukuman bagi kesalahan mempersendakan al-Quran dan al-hadith. EKJS Sarawak⁵³ dan Sabah⁵⁴ mengenakan hukuman yang agak ringan iaitu dua ribu ringgit atau penjara setahun jika dibandingkan dengan EKJS negeri-negeri lain yang memperuntukkan hukuman maksimum tanpa sebatan.⁵⁵ Hukuman maksimum ini dianggap berpadanan dan setimpal dengan jenis kesalahan tersebut. Bagi kesalahan yang berulang seperti kesalahan tidak menghormati Ramadan dengan makan atau minum di khalayak ramai, kesalahan kali pertama lebih ringan hukumannya iaitu denda lima ratus ringgit atau penjara enam bulan sementara bagi kesalahan kali kedua boleh dikenakan denda sehingga dua ribu ringgit atau setahun penjara.

⁵⁰ Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 82.

⁵¹ Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 21.

⁵² Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 16, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 16 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 25.

⁵³ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 36.

⁵⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 53.

⁵⁵ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 37, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 61, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 49.

3.3.3 Kesalahan Berkaitan Akhlak, Kesusilaan dan Adab-adab Syarak

Secara umumnya, keutamaan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam EKJS adalah mengenai kesalahan-kesalahan berbentuk maksiat dan bercanggah dengan nilai akhlak yang murni dan kesopanan serta kesusilaan dalam hubungan sesama manusia.⁵⁶ Dalam EKJS negeri-negeri di Malaysia, sebanyak 19 jenis kesalahan yang pelbagai berkaitan akhlak, tatasusila dan tingkah laku individu muslim yang melanggar adab-adab yang telah ditetapkan Syarak diperuntukkan secara tidak seragam dalam enakmen-enakmen tersebut.

Kesalahan-kesalahan tersebut meliputi kesalahan-kesalahan berkaitan seksual dan maruah diri seperti khawat, persetubuhan luar nikah, pelacuran, sumbang mahram, hamil di luar nikah, liwat dan *musāḥaqah*. Selain kesalahan-kesalahan mengenai kehormatan diri seperti orang lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya, perbuatan dan perkataan tidak sopan, mendedahkan tubuh di khalayak ramai, mengacau orang ramai dengan perbuatan sumbang dan menyertai atau menganjurkan pertandingan ratu cantik.

Persamaan yang ketara antara EKJS tersebut adalah kesemuanya memperuntukkan kesalahan pelacuran,⁵⁷ *musāḥaqah* (lesbian),⁵⁸ percubaan

⁵⁶ Abdul Monir Yaacob (1996), “Kedudukan dan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia”, dalam Abdul Monir Yaacob et al. (ed), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur : IKIM, h. 99.

⁵⁷ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 19, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 75, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 69, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 21.

⁵⁸ Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 15, Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 14, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 53 dan Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 27.

persetubuhan haram,⁵⁹ orang lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya⁶⁰ dan perbuatan tidak sopan di khalayak ramai.⁶¹ EKJS Negeri Sembilan tidak memperuntukkan kesalahan khalwat secara khusus sebagaimana negeri lain. Sebaliknya, kesalahan tersebut diperuntukkan dalam keterangan bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram dalam seksyen 61 (1) yang boleh dikenakan denda sehingga lima ribu ringgit atau penjara dalam tempoh tiga tahun.

Penulis juga mendapati, sebahagian EKJS memperluaskan peruntukan kesalahan perbuatan tidak sopan kepada peruntukan dan hukuman yang berlainan seperti EKJS Perak yang mengasingkan kesalahan mendedahkan tubuh di tempat awam,⁶² EKJS Perlis dengan peruntukan kesalahan mengeluarkan perkataan tidak sopan⁶³ dan EKJS Sabah memasukkan kesalahan mengacau perempuan sehingga boleh menjatuhkan maruah perempuan itu⁶⁴ dan menyertai atau menganjur pertandingan ratu cantik.⁶⁵ Berbanding negeri lain, contohnya EKJS Selangor yang memasukkan semua kesalahan tersebut dalam kategori perbuatan tidak sopan dalam seksyen 31, sementara bagi kesalahan menyertai pertandingan ratu cantik, ia boleh

⁵⁹ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 61, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 11 dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 24.

⁶⁰ Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 7, Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 7, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 55 dan Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 30.

⁶¹ Lihat contoh dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 5, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 5, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 4, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 71, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 29.

⁶² Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 56.

⁶³ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 6.

⁶⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 100.

⁶⁵ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 91.

disabitkan di bawah kesalahan melanggar fatwa kerajaan Negeri Selangor yang telah diwartakan di bawah peruntukan undang-undang.⁶⁶

Namun, terdapat perbezaan yang agak ketara dari aspek elemen-elemen pembuktian dalam sesetengah kesalahan seperti kesalahan persetubuhan luar nikah. EKJS Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Pulau Pinang memperuntukkan hamil tanpa nikah sebagai keterangan *prima facie* iaitu bukti wujudnya perlakuan kesalahan tersebut. Seksyen 25(3) EKJS Selangor memperuntukkan :

“Hakikat bahawa seseorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya dan sedang dia sedar tentang perbuatannya adalah keterangan *prima facie* tentang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu”.

Dengan wujudnya *prima facie* ini, maka beban pendakwa lebih mudah dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut. Keadaan ini berlaku kerana banyak kes yang melibatkan keruntuhan moral berlaku pada masa kini. Oleh sebab itu, tanggungan lebih ringan kepada pendakwa untuk membuktikan dakwaannya.

Walau bagaimanapun, keterangan *prima facie* bagi kesalahan persetubuhan luar nikah itu tidak diperuntukkan dalam EKJS negeri-negeri yang lain. Sebaliknya negeri-negeri tersebut memperuntukkan hamil luar nikah sebagai satu kesalahan lain dan hukuman yang lebih ringan iaitu denda tiga ribu ringgit atau penjara dua tahun.⁶⁷

⁶⁶ Kesalahan di bawah seksyen 12 (c), Enakmen Jenayah Syariah Selangor, no. 9 Tahun 1995 atas kesalahan melanggar fatwa (“adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan Ratu Cantik”) yang telah diwartakan pada tarikh 11/5/1995.

⁶⁷ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 75, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 79, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 54, Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 15 dan Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988 , seksyen 16.

Pada peringkat awal penggubalan EKJS, kesalahan-kesalahan berkaitan akhlak ini menjadi fokus utama dalam peruntukan EKJS bagi Kelantan dan Kedah (13 kesalahan),⁶⁸ Sarawak dan Sabah (14 kesalahan).⁶⁹ Kemudian, bahagian kesalahan ini dikemaskini supaya lebih tersusun dan sistematik mengikut kesesuaian dalam penggubalan EKJS yang terkemudian. Hasilnya, EKJS yang digubal lewat 90-an seperti Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor hanya memperuntukkan sepuluh jenis kesalahan dengan memaksimumkan penggunaan peruntukan sedia ada bagi menjelaskan semua kesalahan berkenaan akhlak yang diperuntukkan dalam enakmen terdahulu.⁷⁰ Terkini, EKJS Terengganu memperuntukkan 13 jenis kesalahan berkaitan akhlak dan kesusilaan.⁷¹

Mengenai kadar hukuman, terdapat ketidakseragaman bagi kesalahan-kesalahan bentuk ini. Tetapi, bentuk kesalahan inilah yang paling banyak dikenakan hukuman maksimum jika sabit kesalahan iaitu denda lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau enam kali sebatan. Hanya kesalahan berkaitan seksual diperuntukkan sebatan berbanding jenis-jenis kesalahan lain. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah yang berkaitan seks seperti sumbang mahram, pelacuran, muncikari (orang tengah), persetubuhan luar nikah, liwat, *musāḥaqah* (lesbian) percubaan persetubuhan haram dan perhubungan jenis luar tabii. Hukuman maksimum dikenakan bagi kesalahan tersebut memandangkan ia adalah kesalahan yang sangat berat di sisi syarak.

⁶⁸ Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 10, 19, 22, 11, 14, 15, 9, 12, 7, 5, 13, 16 dan 6, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 10, 19, 22, 11, 14, 15, 9, 12, 7, 5, 13, 16 dan 6, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35 dan 36.

⁶⁹ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 9, 19, 22, 10, 13, 14, 8, 11, 6, 4, 15, 12, 5 dan 24, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, 78, 72, 70, 80, 82, 77, 81, 92, 83, 76, 79 dan 91.

⁷⁰ Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 24, 28 dan 29.

⁷¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35 dan 36.

Namun, ada juga EKJS negeri yang mengenakan hukuman yang minimum iaitu seribu ringgit dan enam bulan penjara seperti EKJS Melaka dan Sabah bagi kesalahan *musāhaqah* (lesbian)⁷² dan EKJS Kelantan, Kedah dan Sabah bagi kesalahan muncikari (menjadi orang tengah dalam perbuatan jenayah seksual).⁷³

Sementara itu, kesalahan-kesalahan berkaitan kehormatan diri seperti orang lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya, perbuatan tidak sopan, perkataan tidak sopan, mengacau dan mendedahkan tubuh di khalayak ramai hanya dikenakan hukuman minimum denda seribu ringgit dan penjara enam bulan. Manakala kesalahan menyertai atau menganjur pertandingan ratu cantik dikenakan denda seribu ringgit dan penjara selama tempoh tiga bulan. Tetapi EKJS Perlis⁷⁴ memperuntukkan hukuman maksimum kecuali sebatan bagi kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya sedangkan EKJS Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor hanya mengenakan denda seribu ringgit atau penjara satu tahun bagi kesalahan yang sama.⁷⁵

3.3.4 Kesalahan Berkaitan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam

Terdapat 20 kesalahan yang disenaraikan secara tidak seragam dalam EKJS negeri-negeri berkaitan keingkaran terhadap kuasa-kuasa pentadbir hal ehwal agama Islam. Ia meliputi kesalahan terhadap peraturan-peraturan dan undang-undang yang

⁷² Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 59 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 77.

⁷³ Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 22, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 22 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 70.

⁷⁴ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 7.

⁷⁵ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 28, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 28 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 28.

telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam (Majlis) selaku pentadbir utama hal ehwal agama Islam di negeri-negeri seperti kesalahan berkaitan pencerobohan dan gangguan terhadap harta milik Majlis,⁷⁶ membina, menceroboh atau memusnah masjid tanpa kebenaran⁷⁷ dan mengajar agama tanpa tauliah⁷⁸ serta mencetak buku atau dokumen yang bertentangan dengan hukum syarak.⁷⁹

Begitu juga kesalahan seperti keengganan seseorang mematuhi perintah dan peraturan pihak berkuasa agama, contohnya kesalahan menghalang pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam dan Baitul Mal menjalankan tugasnya,⁸⁰ membaca teks khutbah yang tidak diluluskan Jabatan Agama,⁸¹ memungut zakat tanpa kebenaran⁸² atau tidak menyerahkan wang yang dipungut,⁸³ pembayaran zakat fitrah secara tidak sah,⁸⁴ menyalahguna harta Baitul Mal⁸⁵ dan tanda halal yang diluluskan oleh Majlis.⁸⁶

Kesalahan-kesalahan lain yang turut disenaraikan termasuklah keingkaran terhadap perintah Raja atau Sultan sebagai ketua agama Islam negeri yang patut

⁷⁶ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 39, 40 dan 41, , Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 110,111 dan 112 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 93, 94 dan 99.

⁷⁷ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 95 dan 96, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 55 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 38.

⁷⁸ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 38, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 53.

⁷⁹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 51, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 54 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 13.

⁸⁰ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 41, Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 64 dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 108.

⁸¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 97.

⁸² Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 33 dan Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 29.

⁸³ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 30 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 42.

⁸⁴ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 40 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 34.

⁸⁵ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 44.

⁸⁶ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 42 dan Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 38.

dipatuhi.⁸⁷ Selain keengganan mematuhi kuasa mufti sebagai pengeluar hukum dengan cara membuat dan mengeluarkan fatwa sama ada melalui lisan atau tulisan mengenai sebarang perkara berkaitan hukum syarak.⁸⁸

Sementara itu, semua EKJS negeri kecuali Negeri Sembilan, membuat peruntukan agar mana-mana orang yang mengingkari dan menghina perintah mahkamah boleh dihukum jika sabit kesalahan supaya keputusan mahkamah akan lebih dihormati, contohnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992;

“Sesiapa yang ingkar, melanggar, membantah, mengeji, menghina atau enggan mematuhi mana-mana perintah Hakim atau Mahkamah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

Dari segi hukuman, tiada peruntukan sebatan dalam semua bentuk kesalahan berkaitan pentadbiran hal ehwal agama Islam ini. Sementara, hukuman maksimum adalah denda lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kombinasi kedua-duanya bagi kesalahan mengajar agama tanpa tauliah, penerbitan buku agama tanpa kebenaran, memungut zakat tanpa kuasa yang sah, menyalahguna tanda halal, mendirikan masjid tanpa kebenaran, kesalahan berkaitan harta Majlis dan mengeluarkan fatwa tanpa kebenaran.

Namun, ada juga sebahagian EKJS negeri yang mengenakan hukuman sangat ringan bagi kesalahan-kesalahan yang sama iaitu setakat denda seribu ringgit atau enam bulan. Umpamanya, EKJS Sarawak (seksyen 38) dan Perlis (seksyen 33)

⁸⁷ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 28 dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 18.

⁸⁸ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 35.

memperuntukkan hukuman tersebut bagi kesalahan mengajar agama tanpa tauliah berbanding EKJS Pulau Pinang (seksyen 11), Wilayah Persekutuan (seksyen 11) dan Johor (seksyen 11) yang mengenakan hukuman maksimum denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun. Hukuman yang paling ringan adalah denda lima ratus ringgit atau penjara selama tiga bulan bagi kesalahan menghalang pihak berkuasa agama menjalankan tugasnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 108, EKJS Negeri Sembilan.

Sementara itu, ketidakseragaman dari segi hukuman ini juga dapat dilihat apabila ada sebahagian EKJS yang memperuntukkan hukuman berat bagi kesalahan-kesalahan tertentu sedangkan EKJS negeri lain mengenakan hukuman ringan. Contohnya bagi kesalahan menghina undang-undang, EKJS Perak memperuntukkan denda tiga ribu ringgit dan penjara dua tahun⁸⁹ sedangkan negeri lain yang menyenaraikan kesalahan tersebut iaitu Kelantan, Kedah dan Perlis mengenakan denda setakat seribu ringgit dan enam bulan penjara,⁹⁰ sementara negeri-negeri lain tidak memperuntukkan kesalahan ini dalam EKJS masing-masing. Begitu juga, bagi kesalahan mengingkari perintah mahkamah, EKJS yang digubal terkemudian memperuntukkan hukuman tiga ribu ringgit dan penjara dua tahun⁹¹ sedangkan EKJS yang terawal hanya mengenakan denda yang sangat ringan iaitu seribu ringgit dan penjara enam bulan.⁹²

⁸⁹ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 17.

⁹⁰ Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 28, Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 28 dan Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 40.

⁹¹ Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 15.

⁹² Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 31.

3.3.5 Kesalahan Berkaitan Kesejahteraan dan Ketenteraman Orang Lain

Kesalahan-kesalahan yang bersangkutan dengan kesejahteraan dan ketenteraman orang lain bolehlah dimaksudkan sebagai gangguan terhadap kehidupan, kebajikan dan hak asasi orang-orang Islam. Ia meliputi 15 bentuk kesalahan yang pelbagai seperti kesalahan mentakfirkan orang Islam, kesalahan menganggu rumah tangga orang lain dengan cara menghalang suami isteri hidup bersama, memujuk suami isteri bercerai, menuduh isteri berzina (*qadhf*) dan memujuk lari isteri orang, kesalahan berkaitan maksiat seperti menggalak atau menganjurkan perbuatan maksiat atau hidup atas usaha pelacuran orang lain, melacurkan isteri atau anak dan memujuk lari anak dara daripada jagaan ibu bapanya dengan niat jahat, kesalahan berkaitan dengan kesejahteraan orang lain seperti memfitnah, menyampaikan berita yang boleh mengancam keselamatan, menggugurkan bayi dalam kandungan dan menjual atau menyerahkan anak kepada orang bukan Islam.

Kesemua EKJS negeri memperuntukkan kesalahan melacurkan isteri atau anak⁹³ dan memujuk lari isteri daripada suaminya.⁹⁴ Sementara hanya satu EKJS negeri yang berlainan menyenaraikan kesalahan seperti hidup atas usaha pelacuran,⁹⁵ memujuk lari isteri atau anak dara dengan niat jahat,⁹⁶ menggugurkan bayi dalam kandungan,⁹⁷ mengeluarkan kata-kata yang boleh mengancam keselamatan⁹⁸ dan

⁹³ Lihat contoh dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, seksyen 18 dan Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 23(2).

⁹⁴ Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, seksyen 17(1) dan Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 16(1) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 36.

⁹⁵ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 71.

⁹⁶ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 77.

⁹⁷ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 85.

⁹⁸ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 37.

memfitnah.⁹⁹ EKJS Melaka adalah enakmen yang sangat sedikit memperuntukkan jenis kesalahan ini iaitu sebanyak empat kesalahan seperti *takfir*, memujuk lari isteri, menjual anak kepada non muslim dan melacurkan isteri dan anak.¹⁰⁰ Sementara EKJS Perak memperuntukkan paling banyak kesalahan sebanyak sepuluh seksyen,¹⁰¹ manakala negeri-negeri lain antara lapan dan sembilan peruntukan kesalahan jenis ini.¹⁰²

Berkenaan hukuman, bagi seseorang yang melacurkan isteri dan anak, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman paling maksimum termasuk sebatan enam kali. Sementara tidak banyak kesalahan yang dikenakan hukuman denda seribu ringgit atau enam bulan penjara kecuali bagi kesalahan menggalakkan maksiat bagi EKJS Perlis¹⁰³ dan memfitnah yang diperuntukkan dalam seksyen 66, EKJS Sabah, manakala denda lima ratus ringgit dan penjara tiga bulan bagi kesalahan anak dara lari daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya yang diperuntukkan dalam seksyen 20, EKJS Sarawak dan seksyen 88, EKJS Sabah.

Kebanyakan kesalahan dalam bahagian ini dikenakan hukuman mengikut kombinasi denda tiga ribu ringgit atau penjara selama dua tahun. Bagi kesalahan mengkafirkan orang Islam yang diperuntukkan dalam semua EKJS negeri kecuali

⁹⁹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 66.

¹⁰⁰ Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 115, 73, 74 dan 76.

¹⁰¹ Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 28, 30(1), 30(2), 31, 32, 33, 47, 29, 34 dan 37.

¹⁰² Lihat Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 115, 76, 74, 73, 68, 72, 71 dan 77, lihat juga Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 31, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 21(2) dan 35.

¹⁰³ Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991, seksyen 21.

Sarawak dan Selangor, peruntukan hukumannya adalah seragam iaitu denda lima ribu ringgit dan penjara selama tempoh tiga tahun.¹⁰⁴

3.4 Penguatkuasaan Hukuman dan Kesalahan Jenayah Syariah

Berdasarkan peruntukan kesalahan dan hukuman yang disabitkan kepada pesalah, secara keseluruhannya banyak perbezaan di antara EKJS negeri-negeri ini khususnya dari segi menentukan kadar hukuman. Malah peruntukan hukuman bagi setiap kesalahan jauh dari menepati hukuman sebenar yang disyariatkan oleh agama Islam.

Bagaimanapun, berdasarkan kajian, penulis mengenalpasti bahawa peruntukan hukuman itu adalah berdasarkan kombinasi hukuman minimum iaitu denda tidak lebih lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih tiga bulan dan denda tidak lebih seribu ringgit atau penjara sama ada enam bulan atau satu tahun, hukuman sederhana iaitu denda tidak lebih dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih satu tahun dan denda tidak lebih tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih dua tahun dan hukuman maksimum iaitu denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun dan denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau enam kali sebatan.

Kesemua peruntukan hukuman dalam semua EKJS negeri-negeri ini juga menggabungkan kombinasi kedua-dua hukuman tersebut atau mana-mana dua

¹⁰⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995, seksyen 64, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 115, Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 28 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997, seksyen 31.

hukuman sebagai pilihan. Peruntukannya menggunakan istilah “atau” dengan maksud hakim boleh menjatuhkan sama ada hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya jika sabit kesalahan berbanding penggunaan istilah “dan” dengan pengertian sekaligus dan kesemua hukuman tersebut. Oleh itu, jelas sebenarnya bahawa peruntukan hukuman itu sendiri memberi pilihan kepada hakim sama ada meminimumkan hukuman atau memaksimumkannya bergantung kepada bentuk kesalahan.

Namun, penulis mendapati pelaksanaan hukuman sebat tidak pernah dilaksanakan kecuali di Kelantan.¹⁰⁵ Manakala hukuman penjara juga masih kurang dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah walaupun peruntukan mengenainya begitu jelas di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Lazimnya, kebanyakan hakim-hakim Mahkamah Syariah di negara ini lebih cenderung mengenakan hukuman denda (*hukum māliyyah*) daripada penjara atau sebatan (*hukum badaniyyah*). Malah, sekiranya hakim mengenakan dua hukuman sekaligus seperti denda dan penjara, kebiasaannya pesalah akan merayu dan akhirnya hukuman penjara dimansuhkan sama sekali dan hanya mengekalkan hukuman denda atau dikurangkan nilainya atau sebaliknya.¹⁰⁶

Inilah yang diputuskan oleh hakim dalam kes *Mokhtar bin Pangat lwn. Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*.¹⁰⁷ Dalam kes ini,

¹⁰⁵ Kes yang dilaporkan dalam *Harian Metro*, Rabu, 19 September 2001, seorang remaja telah dikenakan hukuman penjara setahun dan sekali sebatan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu atas kesalahan melakukan *muqaddimah zina* di bawah seksyen 12, Kanun Jenayah Syariah Kelantan No.2/1985.

¹⁰⁶ Siti Zubaidah Ismail (2001), “Keberkesanan Hukuman Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri” (*Kertas Kerja Kursus Undang-undang Jenayah Syariah di Institut Latihan Islam Malaysia Bangi, 15 Februari 2001*), h. 7-8.

¹⁰⁷ (1991) *Jurnal Hukum*, Jil. VII, Bhg. II, h. 203.

defendant telah disabitkan bersalah atas tuduhan berkhalwat di bawah seksyen 174, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (Ubah Suai Bagi Wilayah Persekutuan) 1952 dan dijatuhkan hukuman denda RM500.00 dan penjara sebulan. Defendan membuat rayuan dan akhirnya hukuman penjara diketepikan sementara hukuman denda dikekalkan. Begitu juga dalam kes *Abdul Rahman b. Salleh dan seorang lagi lwn. Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu*,¹⁰⁸ hukuman asal iaitu denda RM4000.00 atau enam bulan penjara bagi kesalahan mengambil bahagian dalam menunaikan solat Jumaat di tempat yang tidak diluluskan telah dikurangkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah kepada RM2500.00 atau penjara satu setengah tahun sahaja.

Hukuman penjara dan sebatan (*hukum badaniyyah*) sebenarnya lebih mencapai matlamat pencegahan jenayah syarak yang menjurus kepada aspek pengajaran (*ta'dīb*) dan pencegahan (*al-zajr*). Sekiranya keadaan ini berterusan, dikhawatir akan mengurangkan keberkesanan tujuan sesuatu hukuman itu dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sebagai satu-satunya badan pentadbiran keadilan syarak di Malaysia.¹⁰⁹

Memandangkan pelaksanaan hukuman terikat kepada Akta tersebut, tiada perbezaan hukuman di antara kesalahan-kesalahan yang boleh dikategorikan hudud seperti zina, *qadhf* dan minum minuman memabukkan dengan kesalahan-kesalahan takzir seperti tidak menunaikan solat Jumaat atau mengajar agama tanpa tauliah. Walaupun kedua-dua bentuk kesalahan ini berbeza hukumannya dalam Islam, tetapi

¹⁰⁸ (1995), *Jurnal Hukum*, Jil. X, Bhg. 1, h. 121.

¹⁰⁹ Abdul Monir Yaacob, *op.cit.*, h. 101.

peruntukan hukuman dalam EKJS adalah sama bentuknya iaitu sama ada penjara atau denda walaupun kadarnya berbeza.¹¹⁰

Merujuk kepada hukuman sebatan, semua negeri memperuntukannya kecuali Kedah dan Sarawak. Hukuman tersebut diperuntukkan bagi 11 kesalahan berkaitan seks, akidah dan kesucian agama Islam dalam beberapa enakmen-enakmen negeri seperti berikut:

1. Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 memperuntukkan hukuman sebat tiga kesalahan iaitu liwat, zina dan minum minuman memabukkan.
2. Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995 memperuntukkan hukuman sebat bagi satu kesalahan sahaja iaitu persetubuhan di luar tabii.
3. Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991 dengan kesalahan minum minuman memabukkan.
4. Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 dengan tiga kesalahan iaitu sumbang mahram, persetubuhan haram dan melacurkan isteri dan anak.
5. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 dengan satu kesalahan iaitu melacurkan isteri dan anak.
6. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dengan lapan kesalahan iaitu sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan haram, liwat, percubaan persetubuhan haram, menyebarkan doktrin palsu dan membina masjid dengan niat untuk mencela kesucian agama Islam.
7. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 dan Enakmen Kesalahan Jenayah

¹¹⁰ Mahfodz Mohamed (1993), "Pentadbiran Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil 1 Bil 1, Jun-Julai 1993, h. 71.

Syariah Johor 1997 juga dengan lapan kesalahan iaitu sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan haram, liwat, *musahaqah*, menyebarkan doktrin palsu dan melacurkan isteri dan anak.

8. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu memperuntukkan hukuman sebatan bagi enam kesalahan iaitu penyebaran doktrin palsu, perbuatan sumbang mahram, perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri, perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya, melacurkan isteri atau anak, muncikari dan *musahaqah*.

Walau bagaimanapun, semua negeri masih belum menguatkuasakan hukuman tersebut. Setakat ini hanya Kelantan yang telah menyediakan garis panduan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebatan ini dalam Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987 serta pernah melaksanakannya terhadap kesalahan sumbang mahram.¹¹¹ Sementara, Perak juga sedang berusaha untuk melaksanakan hukuman ini selepas negeri Kelantan apabila Jabatan Kehakiman Syariah Perak telah menyiapkan kertas kerja berhubung kaedah pelaksanaannya. Pelaksanaan hukuman sebat yang telah diluluskan oleh Perak sejak tahun 1992 ini ditangguhkan berikutan masalah teknikal terutama membabitkan cara hukuman berkenaan dilaksanakan.¹¹² Namun, menurut Ketua Hakim Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman sebagaimana dilaporkan di media massa, sehingga tahun 2003, semua Mahkamah Syariah di seluruh negara kecuali Kelantan belum boleh melaksanakan hukuman

¹¹¹ Abdul Monir Yaacob, "Konsep Takzir dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Jenayah Islam: Pendakwaan dan Pelaksanaan di Kuantan, 14–15 November 2000), h. 5, lihat petikan akhbar, Kelantan hanya laksana 3 kes sebat, *Berita Harian*, 21 November 2001.

¹¹² Azmi Md Deros, Pesalah Syariah Akan Disebat, *Berita Harian*, Rabu, 23 Ogos 2000.

sebat ke atas pesalah jenayah syariah kerana enakmen mengenai kaedah hukuman itu belum lagi digubal.¹¹³

Hasil kajian juga mendapati, hukuman bagi kesalahan-kesalahan lain adalah tidak seragam dan berbeza di antara setiap negeri. Contoh yang paling nyata adalah bagi kesalahan muncikari. EKJS Kelantan, Kedah dan Sabah memperuntukkan hukuman yang sangat ringan iaitu denda seribu ringgit atau penjara enam bulan sedangkan EKJS negeri-negeri lain mengenakan hukuman maksimum kepada pesalah jenayah tersebut. Walaupun begitu, terdapat juga persamaan hukuman dalam tujuh kesalahan yang diperuntukkan dalam sebahagian EKJS negeri-negeri iaitu:

1. Kesalahan mengkafirkkan orang Islam (*takfir*) dengan hukuman jika sabit kesalahan lima ribu ringgit dan penjara tiga tahun atau kedua-duanya.
2. Kesalahan *qadhf* – hukumannya denda lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.
3. Kesalahan mengisyiharkan secara palsu dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali atau mendakwa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia – hukumannya adalah denda lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.
4. Kesalahan mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan undang-undang – hukumannya denda lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

¹¹³ Lihat petikan akhbar, Azhar Abu Samah, Mahkamah Syariah belum boleh kenakan hukuman sebat, Berita Minggu, 27 April 2003.

5. Kesalahan meninggalkan solat Jumaat tanpa sebarang uzur syar'ie – hukumannya denda seribu ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya.
6. Kesalahan bersubahat melakukan persetubuhan haram – hukumannya denda tiga ribu ringgit atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.
7. Kesalahan pembayaran zakat fitrah secara tidak sah – hukumannya denda seribu ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya.

Dari segi penguatkuasaan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam EKJS tersebut, ternyata wujud ketidakselarasan dari segi tindakan undang-undang dengan peruntukan kesalahan terdapat dalam EKJS tersebut. Penulis mendapati fokus penguatkuasaan undang-undang hanya tertumpu kepada kesalahan-kesalahan seperti khalwat, berkelakuan tidak sopan dan minum minuman yang memabukkan. Tidak banyak kesalahan-kesalahan yang dilaporkan dan dikenakan tindakan undang-undang dalam aspek-aspek lain seperti akidah, mencemar kesucian agama Islam dan menganggu kesejahteraan dan ketenteraman orang lain. Sedangkan, dewasa ini banyak perbuatan jenayah yang menjurus kepada bentuk-bentuk kesalahan tersebut.

Penulis mengambil contoh tindakan undang-undang terhadap kes-kes jenayah syariah di Selangor yang dibuat oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (UPK JAIS) sekitar tahun 1997 sehingga 1999. Merujuk statistik kes-kes yang dilaporkan oleh UPK ini, hanya sebahagian sahaja kes jenayah syariah yang dilaporkan sepanjang tiga tahun tersebut. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti yang diperincikan dalam Jadual 3.4:

Jadual 3.4 : Statistik Kes-kes Jenayah Syariah di Negeri Selangor (1997-1999)

SEK.	KESALAHAN	1997	1998	1999	JUMLAH
12	Menghina pihak berkuasa agama	3	-	-	3
17	Berjudi	2	150	45	197
18(1)	Minum minuman yang memabukkan	1	-	-	1
19	Tidak menghormati bulan Ramadhan	12	26	11	49
25	Persetubuhan luar nikah	2	20	11	33
26	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah	14	49	-	63
29	Khalwat	452	513	487	1452
30	Lelaki berlagak seperti perempuan	1	7	-	8
31	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	148	165	1	314
38	Penyalahgunaan tanda halal	1	-	-	1

Sumber : Unit Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Shah Alam Selangor

Jika dilihat daripada jenis-jenis kesalahan-kesalahan yang berjaya dikuatkuasakan di Selangor, kebanyakannya melibatkan bahagian yang berhubung dengan kesusilaan dalam EKJS Selangor . Peruntukan terlibat adalah seksyen 25, 26, 29, 30 dan 31. Manakala bagi kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya ialah seksyen 12, 17, 18(1) dan 19. Seterusnya hanya seksyen 38 sahaja dilaporkan bagi 3 tahun yang berikut daripada bahagian kesalahan pelbagai. Sementara, bagi bahagian kesalahan yang berhubung dengan akidah tidak dilaporkan dalam tempoh tiga tahun tersebut.

Sekiranya dilihat kepada jumlah kekerapan tangkapan yang dibuat bagi setiap kesalahan bagi tahun 1997 sehingga 1999, dapat dikenalpasti bahawa UPK JAIS banyak menumpukan peranan membasmi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di tempat terbuka dan mudah diawasi sahaja melalui rondaan UPK JAIS dan pemerhatian masyarakat setempat. Contohnya seperti kes khalwat, berjudi dan perbuatan tidak sopan di tempat awam yang yang mencatatkan bilangan yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 1452, 197 dan 314 kes bagi tiga tahun tersebut. Berbanding kesalahan yang dilakukan secara tertutup atau tersembunyi seperti minum minuman yang memabukkan atau penyalahgunaan tanda halal iaitu masing-masing dengan satu kes sahaja dilaporkan.

3.5 Penilaian Terhadap Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 dan Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002

Perbincangan penulis dalam bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan situasi semasa yang berlaku dalam kodifikasi undang-undang jenayah Islam di Malaysia masa kini. Penggubalan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan pada tahun 1993 (selepas ini disebut sebagai KJS(II)) dan Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 (selepas ini disebut sebagai Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu) dianggap sebagai satu usaha oleh kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu untuk cuba mengulangi kegemilangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam pada zaman Kesultanan Melayu dahulu. Walaupun ternyata dalam situasi perkembangan undang-undang Islam di Malaysia pada masa kini dengan limitasi undang-undang yang sedia ada, implementasi undang-undang tersebut seperti nampak mustahil.

Namun, dalam bahagian ini, penilaian terhadap kedua-dua undang-undang tersebut bukanlah bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis secara mendalam mengenai peruntukan undang-undang tersebut kerana telah begitu banyak perbincangan mengenai kontroversi peruntukan dan isi kandungannya dibincangkan oleh para akademik terutamanya bagi KJS (II) Kelantan. Antaranya kajian oleh Prof. Hashim Kamali,¹¹⁴ Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob¹¹⁵ dan Dr. Abdul Halim Muhammadi.¹¹⁶ Tidak ketinggalan juga penulisan oleh Maria Luisa Seda-Poulin yang mengulas isu-isu berkaitan penggubalan Kanun tersebut dan limitasi pelaksanaannya dari segi perundangan¹¹⁷ Oleh itu, fokus penulis kali ini adalah mengenai kesesuaian peruntukan kaedah pembuktian jenayahnya dengan perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia masa kini.

Secara umumnya, kebanyakan kajian yang dibuat menunjukkan bahawa metode penggubalan KJS (II) Kelantan dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu adalah berasaskan *taqlid* kitab-kitab fiqh klasik dengan mengenepikan rujukan dan kesesuaian terhadap fiqh semasa. Dengan kata lain, kandungan undang-undang substantifnya bukanlah hasil ijтиhad dan tidak ada kesinambungan dengan situasi semasa kecuali dalam beberapa peruntukan seperti tafsiran terhadap hukum syarak, hukuman takzir dan peruntukan nisab dan diyat dalam KJS (II). Namun, dalam peruntukan kaedah pembuktian jenayahnya, jelas tiada keseragaman dan

¹¹⁴ Mohd Hashim Kamali (2000), *Punishment In Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher, h. 11.

¹¹⁵ Abdul Monir Yaacob (1996), *op.cit.*, h. 110.

¹¹⁶ Abdul Halim El-Muhammady (1998), *op.cit.*, h. 193.

¹¹⁷ Maria Luisa Seda-Poulin (1993), "Islamization And Legal Reform In Malaysia, The Hudud Controversy of 1992", *Southeast Asian Affairs*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 223-242.

keselarasan dengan perkembangan undang-undang di Malaysia pada zaman terkini.¹¹⁸

3.5.1 Susunan dan Isi Kandungan Undang-undang

Pada amnya, KJS (II) Kelantan dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu mempunyai struktur undang-undang yang sama walaupun terdapat perbezaan dari segi pembahagian dan peruntukan seksyen. Undang-undang tersebut memperuntukkan bentuk kesalahan dan hukuman yang amat berbeza daripada EKJS negeri-negeri yang lain dengan peruntukan kesalahan hudud dan qisas dan hukuman yang sama sekali melebihi had yang telah ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan mengandungi 6 bahagian yang meliputi 72 seksyen keseluruhannya iaitu Bahagian Permulaan memperuntukkan 3 seksyen, Bahagian I Kesalahan-kesalahan Hudud 20 seksyen, Bahagian II Qisas 15 seksyen, Bahagian III Keterangan 9 seksyen, Bahagian IV Bagaimana Hukuman Dilaksanakan 8 seksyen, Bahagian V Peruntukan Umum dan Bahagian VI Mahkamah 10 seksyen.

Peruntukan kesalahan dalam KJS (II) merangkumi kesalahan-kesalahan hudud, qisas dan takzir. Dalam bahagian I Kanun tersebut, mengandungi 23 seksyen bagi jenis-jenis kesalahan hudud dan hukumannya iaitu kesalahan mencuri, merompak, zina, *qadhf*, liwat, kesalahan bersetubuh dengan mayat dan kesalahan

¹¹⁸ Mohammad Hashim Kamali (2000), *op.cit.*, h. 1 – 2.

bersetubuh dengan binatang, kesalahan minum bahan yang memabukkan dan kesalahan murtad.¹¹⁹ Sementara Bahagian II memperuntukkan kesalahan-kesalahan qisas beserta hukuman iaitu kesalahan pembunuhan sengaja, pembunuhan separuh sengaja dan pembunuhan tidak sengaja.¹²⁰ Juga menjelaskan tentang jenis-jenis kesalahan kecederaan iaitu kecederaan sengaja dan tidak sengaja.¹²¹

Selain itu, Kanun ini juga memperuntukkan kesalahan takzir. Sekiranya mana-mana kesalahan hudud dan qisas tidak boleh dihukum dengan hukuman tersebut kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu boleh dikategorikan sebagai kesalahan takzir. Penentuan hukumannya adalah bergantung kepada budi bicara badan perundangan negeri itu.¹²²

Bahagian III Kanun ini memperuntukkan mengenai beban pembuktian. Ia meliputi penyaksian dan syarat-syarat kelayakan saksi, *iqrār* (pengakuan) dan *qarīnah*.¹²³ Bahagian IV pula menjelaskan tentang prosedur pelaksanaan hukuman. Hukuman tidak boleh diubah, perlukan pengesahan dan pemeriksaan kesihatan pesalah.¹²⁴ Hukuman yang ditetapkan sebagaimana dijelaskan dalam hukum syarak iaitu hukuman hudud seperti potong tangan dan kaki, sebat dan hukuman rejam.¹²⁵ Selaras hukum syarak, diperuntukkan prosedur penangguhan hukuman bagi perempuan yang hamil dan menyusu anak.

¹¹⁹ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 5,8,10,12,16,20,21,22 dan 23.

¹²⁰ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 26,30 dan 32.

¹²¹ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 34.

¹²² Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 47.

¹²³ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 39 – 46.

¹²⁴ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 48, 49 dan 50.

¹²⁵ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 52, 53 dan 54.

Sementara Bahagian V mengandungi perkara umum iaitu mengenai pemakaian Kanun ini, bersabahat dan niat bersama dalam melakukan jenayah, mencuri secara berkumpulan dan cubaan melakukan jenayah.¹²⁶ Akhir sekali, Bahagian VI memperuntukkan tentang penubuhan dan bidang mahkamah-mahkamah Rayuan Khas sebagai tambahan kepada Mahkamah Syariah yang sedia ada.¹²⁷ Bahagian ini juga menerangkan tentang kelayakan hakim dan kuasa perlantikannya, kadar gaji dan keistimewaan-keistimewaan lain yang berhak diperolehi.¹²⁸

Manakala, Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu mengandungi 12 bahagian dengan 67 seksyen. Ia meliputi bahagian I permulaan, bahagian II hingga VII bagi kesalahan hudud iaitu kesalahan *syurb*, *qadhf*, zina, *sariqah*, *ḥirābah* dan *irtidād*. Bahagian VII kesalahan qisas, bahagian 1X keterangan, bahagian X kaedah melaksanakan hukuman, bahagian XI peruntukan umum dan bahagian XII mengenai mahkamah. Beza undang-undang ini dengan KJS (II) Kelantan adalah tiadanya peruntukan takzir sebagaimana yang diperuntukkan dalam KJS (II), sebaliknya, kesalahan dan hukuman takzir di Terengganu diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 yang mengandungi peruntukan undang-undang yang sama dengan EKJS negeri-negeri yang lain.

Berdasarkan kepada susunan dan isi kandungan undang-undang tersebut, ternyata kedua-dua undang-undang ini boleh dianggap sebagai undang-undang jenayah syariah yang lengkap pernah digubal dalam sejarah perundangan di negara

¹²⁶ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 56, 57, 58, 59 dan 60.

¹²⁷ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 63, 64, 66, 67.

¹²⁸ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 68 – 72.

ini.¹²⁹ Malah, ia boleh dijadikan asas rujukan penggubalan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia. Namun, terlalu banyak kekangan dari segi perundangan yang menghalang penguatkuasaannya sehingga ke hari ini. Selain daripada beberapa peruntukannya sendiri yang perlu diperkemaskan terutama dalam aspek pembuktian jenayah.

Faktor utama pelaksanaan kedua-dua undang-undang tersebut tertangguh kerana peruntukannya jelas melampaui bidang kuasa yang diberi dan menyalahi peruntukan yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Di antaranya, mengadakan undang-undang dan mengenakkannya kepada orang bukan Islam,¹³⁰ menubuhkan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas untuk orang bukan Islam¹³¹ dan memberi mahkamah-mahkamah tersebut bidang kuasa yang tidak diberi oleh Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 seperti bidang kuasa ke atas kesalahan mencuri, merompak, membunuh dan kecederaan tubuh badan.¹³²

Ternyata peruntukan-peruntukan tersebut bertentangan dengan undang-undang Persekutuan. Antaranya mengenai Perkara 4(1), Perkara 75 dan Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan mengenai undang-undang jenayah yang diberi kepada negeri sebenarnya hanyalah setakat “.. mengada dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam

¹²⁹ Abdul Halim El-Muhammady (1998), *op.cit.*, h. 200.

¹³⁰ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 56.

¹³¹ Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 63, Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, seksyen 66, 67.

¹³² Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993, seksyen 6, 9, 27, 31, 33, 35, Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, seksyen 19, 22, 27, 37.

senarai Persekutuan.... Tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan”.¹³³ Oleh itu, selagi pindaan tidak dibuat terhadap sebahagian peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang Islam dalam Perlembagaan, maka selagi itulah peruntukan dalam undang-undang tersebut hanya tinggal peruntukan tanpa sebarang penguatkuasaan.¹³⁴

4.4.2 Analisis Kaedah Pembuktian

Dalam KJS (II) Kelantan, kaedah pembuktian bagi mensabitkan kesalahan. diperuntukkan dalam Bahagian III, manakala Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu memperuntukkannya dalam Bahagian IX. Namun, jika diteliti secara mendalam, terdapat beberapa kelemahan yang agak ketara berkaitan kaedah-kaedah pembuktian bagi membuktikan kesalahan dalam era perkembangan zaman di Malaysia masa kini. Oleh sebab itu, ada ahli akademik yang berpandangan KJS (II) ini bersifat *taqlid* kepada fiqh klasik semata-mata, bukannya bersifat kontemporari.¹³⁵ Sedangkan banyak masalah-masalah berlaku dalam masyarakat yang memerlukan kepakaran ijtihadi. Dalam kata lain, undang-undang keterangan yang digunakan dalam KJS (II) dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu yang dianggap saduran KJS (II) ini perlu disemak dan dikaji semula.

¹³³ Jadual Sembilan Senarai 2-Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁴ Mohamed Azam Mohamed Adil (1996), “Enakmen Jenayah Syariah (II) 1993 {Kelantan}: Tinjauan Ringkas Bersama Kanun Kesiksaan Malaysia”, *Jurnal Syariah*. Jil. 4 Bil 1, Jan 1996, h. 87-88.

¹³⁵ Lihat pandangan Mahmud Saedon A. Othman (1993), “Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*. Jil. 2 Bil. , Julai 1994, h. 103, Mohd Noor Deris (1999), “Hudud Kelantan dan Pengislahannya”, *Jurnal Syariah*, Jil. 7, Bil. 1, 1999, h. 75 dan Abdul Halim El-Muhammady (1998), *op.cit.*, h. 198. Sehingga kajian ini dibuat Mahkamah Persekutuan masih belum membuat keputusan di dalam kes Petisyen oleh Zaid Ibrahim ke atas Kanun ini yang didakwa menyalahi Perlembagaan.

Persoalan yang paling besar adalah undang-undang tersebut hanya mengutamakan keterangan lisan atau *iqrār* yang dibuat oleh pihak yang tertuduh dalam pembuktian kesalahan sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 39 KJS (II):

- (1) Kecuali jika ada peranggahan dengan peruntukan yang ada dalam Enakmen ini, maka Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 hendaklah dipakai untuk membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.
- (2) Semua kesalahan di bawah Enakmen ini sama ada kesalahan hudud atau kesalahan qisas, atau kesalahan takzir hendaklah dibuktikan dengan keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh.

Kaedah yang sama juga diperuntukkan dalam Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu dalam seksyen 42:

- (1) Kecuali jika ada peranggahan dengan peruntukan yang ada dalam Enakmen ini, maka Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 hendaklah dipakai untuk membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.
- (2) Semua kesalahan di bawah Enakmen ini sama ada kesalahan hudud atau kesalahan qisas, atau kesalahan takzir hendaklah dibuktikan dengan keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh.

Peruntukan-peruntukan tersebut jelas bertentangan dengan konsep keterangan dalam undang-undang Islam yang sangat luas sebenarnya. Peruntukannya ternyata sempit dan terbatas. Sedangkan Ibn Qayyim telah menggariskan 26 prinsip undang-undang keterangan Islam dalam kitabnya yang terkenal iaitu *al-Turuq al-Hukmiyyah*.¹³⁶ Sementara dalam kes jenayah, alat-alat pembuktian yang boleh digunakan dalam perbicaraan adalah seperti keterangan saksi, *iqrār*, *qarīnah*, pendapat pakar, *'ilmu al-Qādī*, catatan dan sumpah.¹³⁷

¹³⁶ Ibn Qayyim (1977), *al-Turuq al-Hukmiyyah Fī al-Siyāsah al-Syar'iyyah*. Mesir: Maṭba'ah al-Madani, h. 122.

¹³⁷ Ahmad Fathī Bahnāsī (1967), *Nazāriyah al-Iḥbāt fī al-Fiqh al-Jinā'ī: Dirāsah Fiqhīyyah Muqāranah*, Kaherah : Maktabah al-Wa'y al-'Arabi, h. 12.

Lebih daripada itu, peruntukan keterangannya jelas tidak menepati keselarasan elemen-elemen keterangan dan pembuktian yang diperuntukkan dalam kebanyakan Enakmen Keterangan sedia ada di negeri-negeri sebagai asas dan panduan pembuktian kesalahan di Mahkamah Syariah. KJS (II) dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu tidak menerima aspek keterangan dalam bentuk *bayyinah* yang lain seperti *qarīnah* sebagai satu keterangan keadaan wujudnya kesalahan jenayah syariah. Sedangkan penggunaannya begitu meluas di Mahkamah Syariah sekarang ini.

Sebagai contoh, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1991 (selepas ini disebut sebagai EKMSK) turut menerima *bayyinah* termasuklah *qarīnah* selain penggunaan *syahādah* sebagai satu kaedah pembuktian kesalahan. Dalam seksyen 3 memperuntukkan:¹³⁸

“*Bayyinah* ertiaya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau keterangan termasuk *qarīnah*”.

Keterangan adalah termasuk:

- (a) *Bayyinah* dan *Syahādah*
- (b) Segala keterangan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat dihadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara nyataan yang disiasat. Kenyataan itu disebut keterangan lisan.
- (c) Segala suratan yang dikemukakan untuk diperiksa oleh mahkamah. Suratan itu disebut keterangan suratan.

Peruntukan tersebut menunjukkan penerimaan terhadap pendekatan yang disarankan oleh Ibn Qayyim. Ia membuktikan Enakmen-enakmen Keterangan di Malaysia termasuklah EKMSK bersifat terbuka kerana menerima semua keterangan

¹³⁸ Lihat seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan No. 2 Tahun 1991, lihat juga peruntukan lain dalam Seksyen 2, Tafsiran, Enakmen Keterangan Syariah Selangor, No. 6 tahun 1996.

atau keadaan yang menerangkan sesuatu nyataan. Keadaan ini menggambarkan ketulusan dan kesyumulan fiqh Islam dalam perubahan masyarakat yang bersifat semasa.¹³⁹

Tetapi berlawanan dengan peruntukan tersebut, KJS (II) dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu hanya menerima keterangan lisan dan *iqrār* oleh pihak tertuduh sahaja bagi membuktikan kesalahan kecuali bagi kesalahan zina dan minum minuman memabukkan.¹⁴⁰ Dengan peruntukan tersebut, bermakna *bayyinah* termasuk di dalamnya *qarīnah*, *kitābah* atau dokumen dan *syawāhid ḥāl* tidak boleh digunakan. Prof. Mahmud Saedon ketika mengulas peruntukan dalam Kanun ini mengatakan “penyempitan prinsip undang-undang keterangan yang diterima oleh Enakmen ini tidak dapat membantu menegakkan keadilan yang dikehendaki oleh Islam”.¹⁴¹ Malah, peruntukan ini yang menolak prinsip-prinsip keterangan seperti konsep *bayyinah*, *kitābah*, *isyārah* dan *qarīnah* adalah bercanggah dengan EKMSK 1991.¹⁴²

Namun undang-undang tersebut bukanlah menolak penggunaan *qarīnah* secara mutlak, tetapi mengehadkan pemakaianya hanya bagi membuktikan kesalahan zina dan minum minuman memabukkan.¹⁴³ Kedua-duanya memerlukan kehamilan atau kelahiran anak tanpa suami boleh digunakan sebagai *qarīnah* untuk mensabitkan hudud zina. Begitu juga bau atau muntah arak

¹³⁹ Sidi Ahmad Abdullah (1998), “Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah Syariah Dari Aspek Hukum”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 168-169.

¹⁴⁰ Lihat seksyen 46 (1), (2) dan (3) Kanun Jenayah Syariah (11) 1993 Kelantan.

¹⁴¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1993), *op.cit.*, h. 100.

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993, seksyen 46 (1), (2), (3), Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, seksyen 49 (1), (2), (3).

atau sebarang minuman yang memabukkan atau apa-apa kesan darinya sebagai *qarinhah* untuk mensabitkan hukuman hudud bagi kesalahan *syurb*. Hukuman hudud akan dikenakan bagi kedua-dua kesalahan tersebut dengan adanya *qarinhah* itu kecuali ada pembuktian sebaliknya.

Peruntukan ini telah menimbulkan kontroversi di kalangan banyak pihak khususnya pertubuhan politik dan pertubuhan wanita Islam. Kebanyakannya merasakan wujud ketidakadilan kepada wanita dengan adanya peruntukan ini.¹⁴⁴ Ini kerana bagi lelaki yang berzina, pembuktianya melalui keterangan lisan (*syahādah*) atau *iqrār* pesalah sendiri, manakala bagi wanita, pembuktianya bukan sahaja melalui keterangan lisan dan *iqrār* tetapi boleh juga dengan adanya *qarinhah* mengandung tanpa nikah atau melahirkan anak tanpa nikah yang sah. Ia dikatakan boleh menimbulkan penganiayaan kepada kaum wanita kerana mungkin perempuan itu mengandung atau melahirkan anak bukan disebabkan berzina tetapi kerana dirogol. Lagi pula, undang-undang tersebut tidak menjelaskan bagaimana kaedah untuk membuktikan sebaliknya sekiranya benar perempuan itu mengandung kerana dirogol lelaki lain.¹⁴⁵

Begitu juga dalam peruntukan seksyen 9 (1) Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu iaitu seseorang yang mengadu dirinya dirogol dengan tiada bukti yang nyata atau tiada sebarang *qarinhah* (bukti) boleh disabitkan kesalahan *qadhf* (membuat fitnah zina) dan dihukum dengan 80 kali sebatan. Ini boleh menimbulkan

¹⁴⁴ Salbiah Ahmad (1995), "Zina and Rape Under The Syariah Criminal Bill 1993(Kelantan)", dalam Rose Ismail (ed.), *Hudud In Malaysia The Issues at Stake*. Kuala Lumpur: SIS Forum (Malaysia) Berhad, h. 14 – 15.

¹⁴⁵ Maria Luisa Seda-Poulin, *op.cit.*, h. 226.

kezaliman kepada mangsa rogol yang tidak dapat membuktikan dirinya dirogol jika tiada kaedah yang jelas diperuntukkan untuk membuktikannya.

Bagi mengatasi kekeliruan ini, Muhammad Azam memberikan pandangannya bahawa kaedah *al-yamīn* (sumpah) perlu dikuatkuasakan sebagai satu cara untuk membuktikan kebenaran. Sekiranya wujud sesuatu kes perempuan mengandung tanpa suami dan dia mendakwa telah dirogol, maka kaedah *al-yamīn* perlu digunakan bagi membuktikan dakwaannya dirogol bukannya berzina. Kehamilan yang tidak dinafikan dengan rogol hendaklah dianggap zina dan boleh dikenakan hudud.¹⁴⁶

Bagi menyokong pendapat tersebut, penulis perlu meraikan pandangan Ruzman Mohd Noor bahawa *qarīnah* boleh dijadikan salah satu kaedah pensabitan kes kerana sistem dan teknologi penyiasatan serta kemajuan sains mampu mencapai tahap tanpa keraguan yang munasabah dan dapat menggantikan tahap yakin yang ditetapkan oleh ulama bagi kes-kes tertentu¹⁴⁷. Ini bertepatan dengan pandangan Muhammad S El-Awa, bahawa sekiranya *qarīnah* sahaja yang mampu digunakan sebagai kaedah pembuktian, maka mahkamah mestilah mengambil segala langkah yang mungkin untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan dan salah anggapan.¹⁴⁸ Walaupun ia bertentangan dengan pandangan Jumhur, namun melihat kepada kaedah kepelbagaiannya mazhab dalam pembentukan undang-undang jenayah di Malaysia,

¹⁴⁶ Mohamed Azam Mohamed Adil, *op.cit.*, h. 92.

¹⁴⁷ Ruzman Mohd Noor (1999), "Kesan Perubahan Masyarakat Terhadap Prinsip al-Qarinah Dalam Kes-kes Jenayah Menurut Hukum Keterangan Islam", dalam Abdul Karim Ali *et.al* (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 282 – 283.

¹⁴⁸ Muhammad S-El-Awa, *op.cit.*, h. 196.

maka ia sewajarnya diterima kerana ia lebih hampir kepada falsafah perundangan Islam dan keperluan semasa.¹⁴⁹

Begitulah yang dimaksudkan dalam *qarīnah* kehamilan atau kelahiran anak tanpa suami sebagai anggapan berzina ia bukanlah satu kaedah yang utama sebaliknya *qarīnah* hanya berfungsi secara sampingan. Bebanan adalah kepada pihak yang dituduh untuk menimbulkan keraguan di atas pertuduhan yang dikenakan kepadanya. Sekiranya wujud keraguan, maka hukuman hudud tidak akan dikenakan.¹⁵⁰

Kegunaan *qarīnah* tidak disebut pula bagi kesalahan hudud yang lain seperti *sariqah*, *hirābah* dan *qadhf*. Begitu juga bagi kesalahan qisas dan takzir. Sedangkan banyak kaedah sabitan yang boleh dipakai bagi kes-kes qisas dan takzir dan tidak terbatas pada keterangan lisan dan *iqrār*. Penulis bersetuju dengan pandangan Mahmud Saedon yang menyuarakan keimbangannya sekiranya kaedah keterangan seperti *kitābah* dan *qarīnah* tidak digunakan secara meluas bagi kesalahan-kesalahan lain. Sedangkan dewasa ini, banyak kejadian seseorang yang menuduh seorang lain melakukan zina melalui tulisan di media massa. Sekiranya *kitābah* digunakan sebagai kaedah pembuktian, maka orang itu boleh disabit melakukan *qadhf*. Begitu juga bagi kesalahan-kesalahan lain seperti memiliki barang curian, memiliki senjata yang digunakan dalam pembunuhan dan sebagainya.¹⁵¹

¹⁴⁹ Ruzman Mohd Noor (1998), "Kedudukan al-Qarinah Sebagai Asas Sabitan Di Mahkamah Syariah", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 185.

¹⁵⁰ Ruzman Mohd Noor, *op.cit.* h. 282.

¹⁵¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1993), *op.cit.*, h. 101.

Cuma perubahan perlu dibuat terhadap aspek undang-undang keterangan dalam kedua-dua undang-undang ini khususnya kaedah-kaedah lain dalam pembuktian kesalahan sebagaimana yang disarankan oleh Prof. Mahmud Saedon.¹⁵² Penerimaan kepada bentuk keterangan yang lain bukan sahaja terikat kepada *syahādah* dan *iqrār* adalah bersesuaian dalam situasi masyarakat yang telah rosak dan goyah akhlak dan susilanya. Ini juga penting supaya wujud keselarasan dengan undang-undang keterangan yang sedia terpakai di Mahkamah Syariah di Kelantan dan seluruh Malaysia amnya. Oleh itu, tidaklah dikatakan KJS (II) tahun 1993 dan Undang-undang Hudud dan Qisas Terengganu yang digubal tahun 2002 bersikap undur ke belakang dalam era perkembangan dan pembangunan undang-undang jenayah Islam di Malaysia masa kini.¹⁵³

Situasi ini sebenarnya bersesuaian dengan saranan Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bahawa pentafsiran fiqh perlulah disesuaikan dengan perkembangan zaman dan keadaan masyarakat abad ke 20 ini bertepatan dengan falsafah Fiqh sendiri yang bersifat syumul, *'alamī* dan abadi. Menurutnya:

"Hukum Islam adalah salah satu dari aspek yang menghadapi cabaran...kerana pembangunan yang telah mengakibatkan perubahan nilai yang ketara, sama ada dari segi fizikal dan material mahupun dari segi moral dan spiritual. Secara umumnya persoalan-persoalan baru ini tidak pernah ada pada waktu hukum Islam yang terkumpul dalam kitab-kitab fiqh klasik disimpulkan. Ia benar bersifat semasa dan setempat. Tentunya tidak adil kepada Islam sendiri, sebagaimana agama yang mempunyai sistem penghukuman yang lengkap, juga kepada arus pembangunan, kalau persoalan-persoalan baru dijawab dengan jawapan lama yang dibentuk berdasas realiti lama masyarakat bukan tempatan yang mempunyai warisan budaya dan gaya hidup tradisi yang sangat berbeza".¹⁵⁴

¹⁵² Mahmud Saedon Awang Othman (1993), *op.cit.*, h. 102.

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ Mahmud Zuhdi Hj. Ab. Majid (1999), "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun", dalam Abdul Karim Ali *et.al* (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 1-12.

Ini kerana dalam konteks hukum syarak, nas-nas dalam al-Quran dan al-Sunnah tidak berubah, namun perubahan berlaku dari segi ijtihad ulama mengenai sesuatu hukum dari masa ke semasa. Justeru undang-undang perlu direalisasikan mengikut perkembangan dan kemajuan manusia yang berubah mengikut masa dan keadaan supaya wujud keselarasan dengan situasi semasa, bukannya dibiarkan statik, klasik dan berundur ke belakang dalam era perkembangan dan kemajuan struktur undang-undang negara.

3.6 Kesimpulan

Sesungguhnya, penggubalan EKJS di Malaysia bermula pertengahan tahun 80-an hingga kini menunjukkan satu perkembangan yang positif dalam usaha untuk melaksanakan sistem pentadbiran undang-undang jenayah Islam yang sistematik di Malaysia. Namun, hasil kajian merumuskan wujud ketidakselarasan antara negeri-negeri dalam peruntukan EKJS masing-masing. Ia melibatkan struktur yang tidak seragam antara satu sama lain seperti peruntukan kesalahan dalam bahagian dan seksyen yang berlainan, perbezaan juga dilihat dari segi tafsiran terhadap istilah undang-undang yang digunakan dalam undang-undang tersebut, jenis-jenis kesalahan dan peruntukan hukuman yang berbeza bagi kesalahan-kesalahan yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan yang agak ketara dari segi struktur, jenis kesalahan dan hukuman dalam EKJS yang digubal pada akhir tahun 90-an iaitu EKJS negeri Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu.

Namun begitu, kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam EKJS ternyata sangat terbatas dan hanya boleh dikategorikan dalam kesalahan

takzir. Peruntukan hukumannya juga sangat minimum berbanding hukuman dalam Kanun Keseksaan. Walaupun pindaan dibuat terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pada tahun 1984, tetapi pindaan tersebut hanya membolehkan Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman paling berat iaitu denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau sehingga enam kali sebatan.

Begitupun, sekurang-kurangnya peruntukan yang ada di dalam EKJS ini adalah lebih baik berbanding peruntukan kesalahan yang sangat terhad dalam EPAI negeri-negeri sebelum ini dalam situasi perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia yang banyak dipengaruhi oleh kesan penjajahan Inggeris . Walaupun ada usaha oleh kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam semaksimum yang mungkin dengan penggubalan undang-undang hudud masing-masing, namun ia masih belum berjaya dilaksanakan sehingga kini kerana bertentangan dengan Perlembagaan. Malah, undang-undang tersebut juga hampir kesemuanya *taqlid* kepada fiqh klasik dan tidak berkembang secara sistematik mengikut kesesuaian semasa.

Perbincangan dalam bab seterusnya akan menekankan kepada analisis perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia dengan melihat kepada rasional perkembangannya mengikut kesinambungan zaman dan perbezaan metodologi penggubalan undang-undangnya pada setiap peringkat zaman tersebut untuk menentukan sejauhmana undang-undang jenayah Islam yang digunakan pada masa kini mempunyai kesahan dari segi syarak.